



eISSN 2716-6813

9772716 681002

JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

SOROTAN STATISTIK

EKONOMI MALAYSIA

SIRI 2 / 2022

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

SOROTAN STATISTIK

EKONOMI MALAYSIA

SIRI 2 / 2022

Pemakluman:

Jabatan Perangkaan Malaysia sedang menjalankan Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIES/BA) 2022 bermula dari 1 Januari 2022 sehingga 31 Disember 2022.

Dimaklumkan bahawa Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “*Connecting the world with data we can trust*”

Diterbitkan dan dicetak oleh:

Jabatan Perangkaan Malaysia
Blok C6, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62514 Putrajaya,
MALAYSIA

Tel. : 03-8885 7000
Faks : 03-8888 9248
Portal : <https://www.dosm.gov.my>
Facebook : www.facebook.com/StatsMalaysia
Twitter : <http://twitter.com/StatsMalaysia>
Instagram : <http://instagram.com/StatsMalaysia>

Diterbitkan pada 25 Februari 2022.

Hakcipta terpelihara.

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar dalam apa-apa bentuk atau alat apa jua pun kecuali setelah mendapat kebenaran daripada Jabatan Perangkaan Malaysia. Pengguna yang mengeluarkan sebarang maklumat dari terbitan ini sama ada asal atau diolah semula hendaklah meletakkan kenyataan berikut:

“Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia”.

eISSN 2716-6813

ISI KANDUNGAN

| | | |
|--|-----------------------------|----|
| | TINTA KETUA PERANGKAWAN | 02 |
| | PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN | 04 |
| | SOROTAN PENTING | 08 |
| | PERSPEKTIF KESELURUHAN | 10 |
| | RENCANA | 17 |
| | PERTANIAN | 24 |
| | INDUSTRI DAN PEMBUATAN | 29 |
| | PERKHIDMATAN | 32 |
| | SEKTOR LUARAN | 36 |
| | SENARIO BURUH | 44 |
| | HARGA | 51 |
| | WAY FORWARD | 57 |
| | INDIKATOR EKONOMI | 60 |
| | AHLI MESR | 74 |
| | PENGHARGAAN | 75 |

Saya amat berbesar hati mengalu-alukan pembaca dan pengguna ke siri kedua Sorotan Statistik Ekonomi Malaysia (MESR) pada tahun 2022. Penerbitan ini bertujuan untuk menghebahkan kepada orang awam tentang senario ekonomi terkini berdasarkan statistik rasmi makroekonomi yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). Edisi ini memfokuskan kepada statistik yang diterbitkan pada Disember 2021, beberapa sorotan mengenai statistik akan datang bagi Januari 2022 serta senario ekonomi Malaysia pada suku tahun keempat dan rumusan tahun 2021. Di samping itu, edisi ini turut memaparkan sebuah artikel khas bertajuk “Penggunaan Elektrik dalam Era COVID-19” yang membincangkan trend dan perubahan dalam penggunaan elektrik sebelum dan semasa pandemik COVID-19.

Ekonomi dunia telah disasarkan ke arah pemulihan pada 2021; namun, pertumbuhan ini dijangka terkesan pada tahun 2022 dengan situasi pandemik COVID-19 yang berterusan. Berdasarkan *World Economic Outlook Update* (Januari 2022) yang dikemaskini, pertumbuhan ekonomi global diunjurkan menyederhana daripada 5.9 peratus pada 2021 kepada 4.4 peratus pada 2022, sebelum bertumbuh lebih perlahan kepada 3.8 peratus pada 2023. Ekonomi di negara seperti United Kingdom, China dan Singapore bertumbuh sederhana manakala European Union, Indonesia dan Philippines berkembang pada suku tahun keempat 2021. Bagi Malaysia, ekonomi telah memulih kepada 3.6 peratus pada suku tahun keempat selepas merekodkan penyusutan 4.5 peratus pada suku tahun sebelumnya, menandakan momentum yang lebih baik dalam pemulihan ekonomi negara, diperkuuhkan oleh strategi ekonomi dan sokongan dasar yang berterusan.

Momentum pemulihan ekonomi pada suku tahun keempat 2021 juga dicerminkan melalui Imbangan Akaun Semasa (CAB) Malaysia yang terus mencatatkan lebih RM15.2 bilion daripada RM11.6 bilion pada suku tahun sebelumnya. Lebih CAB Malaysia pada suku tahun ini didorong terutamanya oleh eksport barang bersih yang tinggi dan defisit yang lebih rendah dalam Pendapatan sekunder. Malah, akaun Barang mencatatkan peningkatan tertinggi sehingga kini dalam eksport bersih pada RM51.8 bilion, melepassi paras tertinggi sejak suku tahun ketiga 2008 (RM50.9 bilion). Prestasi pelaburan bertambah baik di mana Pelaburan Langsung Asing (FDI) di Malaysia mengekalkan aliran masuk bersih yang lebih tinggi sebanyak RM24.7 bilion manakala Pelaburan Langsung Asing di Luar Negeri (DIA) oleh pelabur Malaysia berubah untuk mencatatkan aliran keluar bersih sebanyak RM15.0 bilion berbanding aliran masuk bersih RM4.7 bilion pada ST3 2021.

Selari dengan itu, prestasi perdagangan barang juga mengekalkan trajektori positif pada ST4 2021, dengan jumlah perdagangan meningkat 29.2 peratus kepada RM624.7 bilion berbanding RM483.4 bilion pada suku tahun yang sama 2020. Pada masa yang sama, kedua-dua eksport dan import melonjak pada suku tahun ini, dengan eksport meningkat 29.0 peratus kepada RM350.5 bilion manakala import berkembang 29.6 peratus kepada RM274.3 bilion. Imbangan dagangan mencatatkan lebih RM76.2 bilion, bertumbuh 26.9 peratus berbanding tempoh yang sama tahun sebelumnya.

Jumlah hasil sektor Perkhidmatan pada suku tahun keempat 2021 juga berkembang sebanyak 17.7 peratus, dengan peningkatan sebanyak RM69.0 bilion disumbangkan oleh kenaikan subsektor Perdagangan Borong & Runcit dan Pengangkutan & Penyimpanan dengan masing-masing meningkat 17.8 peratus dan 26.3 peratus. Indeks Volum Perkhidmatan turut mencatatkan peningkatan sebanyak 12.0 peratus.

Pasaran buruh kembali kepada momentum menuju pemulihan pada suku tahun keempat 2021 didorong oleh peningkatan semula lebih banyak aktiviti ekonomi dan sosial. Bilangan penduduk bekerja meningkat 1.8 peratus tahun ke tahun kepada 15.44 juta orang manakala kadar pengangguran menurun 0.5 mata peratus untuk merekodkan kadar suku tahunan terendah pada 4.3 peratus sejak bermulanya pandemik. Dari perspektif permintaan buruh, bilangan jawatan dalam sektor ekonomi mencatatkan peningkatan buat kali pertama sebanyak 0.9 peratus selepas merosot selama enam suku tahun berturut-turut, dengan merekodkan 8.53 juta jawatan pada suku tahun keempat 2021.

Melihat kepada prestasi ekonomi bulanan pada Disember 2021, beberapa petunjuk utama menunjukkan arah aliran meningkat berbanding bulan yang sama pada 2020. Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP) meningkat 5.8 peratus berbanding Disember tahun sebelumnya, didorong oleh kenaikan 8.4 peratus dalam indeks Pembuatan dan 3.7 peratus dalam indeks Elektrik. Inflasi Malaysia yang diukur melalui Indeks Harga Pengguna (IHP) meningkat 3.2 peratus melepassi purata inflasi di Malaysia bagi tempoh 2011 hingga 2021 pada 1.9 peratus. Ini disumbangkan oleh peningkatan dalam indeks lima kumpulan utama iaitu Pengangkutan (9.5%); Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain (3.4%); Makanan & Minuman Bukan Alkohol (3.2%); Hiasan, Perkakasan & Penyelenggaraan Isi Rumah (2.7%) dan Restoran & Hotel (1.3%). Sementara itu, Indeks Harga Pengeluar (IHPR) pengeluaran tempatan meningkat 10.0 peratus pada Disember 2021 berikutan kos bahan mentah yang lebih tinggi dan kesan asas yang lebih rendah pada tahun 2020.



TINTA KETUA PERANGKAWAN


Melangkah ke hadapan, ekonomi Malaysia dijangka mengalami trend pertumbuhan dalam beberapa bulan akan datang seperti yang digambarkan oleh Indeks Pelopor (IP) yang meningkat 2.1 peratus pada Disember 2021 daripada 1.6 peratus pada bulan sebelumnya. Pemulihan ekonomi dalam negara didorong oleh pertambahan semula pasaran buruh, pengembangan permintaan global, kemajuan program vaksinasi COVID-19 dan disokong oleh dasar yang berterusan. Selain itu, kerajaan telah memberi jaminan bahawa tiada lagi sekatan pergerakan penuh akibat COVID-19 akan dilaksanakan dan sempadan negara akan dibuka sepenuhnya pada Mac 2022. Justeru itu, fokus akan terarah kepada dua teras utama untuk menyokong momentum pertumbuhan ekonomi, iaitu mewujudkan peluang pekerjaan dan membantu usahawan terus berkembang. Oleh itu, Malaysia optimis dengan harapan bahawa ekonomi akan kekal dalam landasan pemulihan pada tahun 2022.

Jabatan Perangkaan Malaysia sedang menjalankan Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIES/BA) 2022 bermula dari 1 Januari 2022 sehingga 31 Disember 2022. Jabatan ini amat menghargai kerjasama daripada responden yang terpilih untuk memberikan maklumat kepada pegawai DOSM serta menjayakan survei ini. Sila layari www.dosm.gov.my untuk maklumat lanjut.

Terima kasih.


DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN

Februari 2022





PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN



KRONOLOGI PKP 2021

APR

Pada 12 April 2021

Pengumuman
PKP oleh Menteri
Kanan Keselamatan

PKP 15 - 28 April 2021

Perlis, Kedah (kecuali daerah Kuala Muda), Perak, Pahang, Terengganu, WP Putrajaya, Negeri Sembilan (kecuali daerah Seremban), Melaka dan Sabah (kecuali daerah Lahad Datu, Tawau dan Keningau) dan WP Labuan.

PKP 15 - 28 April 2021

Kedah (daerah Kuala Muda), Pulau Pinang, Negeri Sembilan (daerah Seremban), Johor dan Sabah.

PKP: 29 April - 5 Mei 2021

- Selangor

PKP: 29 April - 6 Mei 2021

- WP Kuala Lumpur

Pada 13 April 2021

PKP 16 - 29 April 2021
Kelantan (Jajahan Kota Bharu, Pasir Mas, Pasir Puteh, Bachok, Machang, Tumpat dan Tanah Merah).

Pada 11 April 2021

Jawatankuasa Pengurusan
Bencana Negeri (SDMC)

MEI

PKP/ PKPB/ PKPP

Pada 4 Mei 2021

PKPB: 6 - 17 Mei 2021
daerah Sabak Bernam, Hulu Selangor and Kuala Selangor.

PKP: 6 - 17 Mei 2021
daerah Hulu Langat, Petaling, Gombak, Klang, Kuala Langat, dan Sepang.

PKPB: 29 April - 17 Mei 2021
Kedah (daerah Kuala Muda, Pulau Pinang, Negeri Sembilan (daerah Seremban), Johor dan Sabah.

PKPB: 29 April - 5 Mei 2021
- Kelantan

Pada 26 April 2021
Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (SDMC)

PKP: 27 - 17 Mei 2021
Pada 10 Mei 2021
Perutusan Khas
Perdana Menteri

PKP 3.0 : 12 Mei-7 Jun 2021
- Seluruh Negara

Pada 11 Jun 2021

PKPP 13 - 26 April 2021

JUN

Pada 28 Mei 2021

Perutusan Khas
Perdana Menteri

PKP 3.0 : 1-14 Jun 2021
Penutupan penuh sektor sosial dan ekonomi atau 'total lockdown' Fasa Pertama di seluruh Negara.

Pada 11 Jun 2021

PKP 3.0 : 15-28 Jun 2021
Penutupan penuh sektor sosial dan ekonomi atau 'total lockdown' Fasa Pertama di seluruh negara yang bermula 1 Jun 2021, disambung lagi selama 14 hari

Waktu operasi perniagaan
pusat beli-belah, kedai serbaneka, gerai, dobi dan stesen minyak (kecuali di lebuh raya) dinaikan dari puluk **8.00 pagi hingga 8.00 malam sahaja.**

Pengangkutan awam
LRT dan bas dihadkan dengan hanya 50% kapasiti penumpang sahaja dengan kekerapan dikurangkan.

Kapasiti kehadiran pekerja bagi perkhidmatan awam

terhad kepada 20% keseluruhan (tidak termasuk **frontliners**) dan 80% Bekerja Dari Rumah (BDR) berdasarkan Perleliran atau Arahan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Kapasiti kehadiran pekerja bagi sektor swasta

Termasuk operasi dan pengurusan hanya terhad kepada **60%** sahaja pada satu-satu masa.

PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN





- Secara keseluruhan, ekonomi global kembali pulih pada 2021 dipacu oleh strategi pemulihan ekonomi yang dilaksanakan oleh setiap negara secara berterusan di sepanjang tempoh pandemik COVID-19. Peningkatan pesat kadar vaksinasi juga merupakan faktor utama dalam pemulihan ekonomi global pada 2021. Prestasi ekonomi beberapa negara seperti China, USA, Republic of Korea, Taiwan, Singapore dan Indonesia semakin meningkat melebihi paras sebelum pandemik pada 2019. Ekonomi Malaysia kembali menunjukkan pertumbuhan positif 3.6 peratus pada suku tahun keempat 2021 selepas penyusutan 4.5 peratus pada suku tahun sebelumnya. Bagi tempoh Januari – Disember 2021, prestasi ekonomi Malaysia bertumbuh dengan lebih baik pada 3.1 peratus berbanding negatif 5.6 peratus pada 2020.
- Pengeluaran getah asli menurun 16.3 peratus pada Disember 2021 kepada 41,690 tan metrik berbanding 49,825 tan metrik pada bulan yang sama tahun sebelumnya. Secara bulanan, pengeluaran getah asli meningkat 36.7 peratus berbanding 30,493 tan metrik yang direkodkan pada November 2021. Sementara itu, pengeluaran buah tandan segar meningkat 6.9 peratus tahun ke tahun kepada 6,419,064 tan metrik pada Januari 2022 berbanding bulan yang sama 2021 (6,006,068 tan metrik). Perbandingan bulanan menunjukkan penurunan 11.2 peratus berbanding Disember 2021 (7,225,956 tan metrik).
- Pada masa yang sama, Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP) pada Disember 2021 meningkat 5.8 peratus berbanding bulan yang sama pada tahun sebelumnya. Pengembangan IPP ini disumbangkan oleh kenaikan 8.4 peratus dalam indeks Pembuatan dan 3.7 peratus dalam indeks Elektrik. Sebaliknya, indeks Perlombongan mencatatkan kemerosotan 2.5 peratus. IPP bagi suku tahun keempat 2021 berkembang 6.9 peratus berbanding tempoh yang sama tahun sebelumnya. Peningkatan ini dipengaruhi oleh pertumbuhan dalam indeks Pembuatan (9.2%) dan indeks Elektrik (4.3%).
- Nilai jualan sektor Pembuatan Malaysia pada Disember 2021 berjumlah RM143.9 bilion, mencatatkan pertumbuhan yang lebih tinggi iaitu 15.5 peratus (November 2021: 18.8%) berbanding bulan yang sama pada tahun 2020. Peningkatan nilai jualan dipacu oleh Produk petroleum, kimia, getah & plastik (19.9%), Produk makanan, minuman & tembakau (19.0%) dan Produk elektrik & elektronik (18.4%). Pada suku tahun keempat 2021, nilai jualan merekodkan peningkatan 16.5 peratus kepada RM427.0 bilion berbanding suku tahun yang terakhir 2020.
- Pada suku tahun keempat 2021, sektor Perkhidmatan merekodkan jumlah hasil RM460.0 bilion, meningkat 5.3 peratus berbanding penurunan 4.9 peratus pada suku yang sama tahun sebelumnya. Indeks Volum Perkhidmatan juga meningkat 3.0 peratus kepada 127.7 mata berbanding 124.0 mata pada suku tahun keempat 2020. Hasil tahunan sektor Perkhidmatan bagi 2021 merekodkan RM1.7 trilion (2019: RM1.8 trilion).
- Bagi Indeks Harga pengguna (IHP), inflasi negara pada Disember 2021 direkodkan pada 3.2 peratus apabila IHP meningkat kepada 124.5 berbanding 120.6 pada bulan yang sama tahun sebelumnya yang disebabkan kesan asas. Peningkatan keseluruhan ini didorong oleh kenaikan indeks bagi lima kumpulan utama iaitu Pengangkutan (9.5%); Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain (3.4%); Makanan & Minuman Bukan Alkohol (3.2%); Hiasan, Perkakasan & Penyelenggaraan Isi Rumah (2.7%) dan Restoran & Hotel (1.3%). Sejajar dengan itu, IHP pada suku tahun keempat 2021 juga meningkat sebanyak 3.2 peratus kepada 124.1 berbanding 120.3 pada suku yang sama tahun sebelumnya.
- Begitu juga, Indeks Harga Pengeluar (IHPR) pengeluaran tempatan meningkat 10.0 peratus pada Disember 2021 berbanding penurunan 2.1 peratus yang dicatatkan pada bulan yang sama tahun sebelumnya. Peningkatan ini didorong oleh indeks Perlombongan yang melonjak 45.1 peratus berbanding kejatuhan 40.0 peratus pada Disember 2020. Indeks Pertanian, perhutanan & perikanan juga meningkat 10.9 peratus (Disember 2020: 23.5%), diikuti oleh indeks Pembuatan (7.6%), Bekalan air (0.9%) dan Bekalan elektrik & gas (0.7%). Pada suku tahun keempat 2021, IHPR pengeluaran tempatan kekal berada dalam aliran menaik dengan kenaikan dua digit baharu 11.9 peratus berbanding kejatuhan 2.9 peratus yang direkodkan pada tempoh yang sama tahun lepas.
- Pada suku tahun keempat 2021, Imbangan Akaun Semasa (CAB) Malaysia yang mengukur transaksi merentas sempadan, mencatatkan lebihan RM15.2 bilion, berbanding RM11.6 bilion pada suku tahun sebelumnya. Lebihan dalam CAB didorong oleh eksport bersih barang dan juga defisit yang lebih rendah dalam pendapatan Sekunder.



- Dari segi prestasi pelaburan, Pelaburan Langsung Asing (FDI) mengekalkan aliran masuk bersih yang lebih tinggi RM24.7 bilion pada suku tahun keempat 2021, berkembang daripada RM12.8 bilion pada suku tahun sebelumnya, terutamanya disumbangkan oleh kenaikan pendapatan yang dilabur semula. Sementara itu, Pelaburan Langsung Asing di Luar Negeri (DIA) oleh pelabur Malaysia berubah arah aliran untuk mencatatkan aliran keluar bersih RM15.0 bilion berbanding aliran masuk bersih RM4.7 bilion pada suku tahun ketiga 2021, didorong oleh Instrumen hutang.
- Pada masa yang sama, perdagangan barang Malaysia meneruskan pertumbuhan positif yang kukuh pada suku tahun keempat 2021 dengan jumlah perdagangan meningkat 29.2 peratus kepada RM624.7 bilion berbanding RM483.4 bilion pada suku tahun yang terakhir 2020. Eksport melonjak 29.0 peratus kepada RM350.5 bilion, manakala import meningkat 29.6 peratus kepada RM274.3 bilion. Imbangan perdagangan merekodkan lebihan RM76.2 bilion, peningkatan 26.9 peratus berbanding tempoh yang sama tahun lalu.
- Melihat kepada situasi buruh, penduduk bekerja meningkat 1.8 peratus tahun ke tahun kepada 15.44 juta orang, manakala kadar pengangguran menurun 0.5 mata peratus untuk merekodkan kadar pengangguran suku tahunan 4.3 peratus, kadar terendah sejak bermulanya penularan wabak. Dari perspektif permintaan buruh, bilangan jawatan dalam sektor ekonomi menunjukkan peningkatan buat kali pertama selepas menyusut selama enam suku tahun berturut-turut, bertumbuh 0.9 peratus kepada 8.531 juta pekerjaan pada suku tahun keempat 2021.
- Malaysia sedang bersiap sedia bagi pembukaan semesta sempadan negara sepenuhnya pada Mac 2022, yang akan menjadi pemangkin yang amat diperlukan oleh aktiviti berkaitan pelancongan dan bagi mengatasi situasi kekurangan pekerja dalam beberapa sektor seperti perladangan. Seiring dengan itu, prestasi Indeks Pelopor (IP) meningkat kepada 2.1 peratus pada Disember 2021 daripada 1.6 peratus pada November 2021. Tambahan pula, paras IP terus melepassi 100.0 mata dan meningkat untuk mencapai 111.5 mata. Secara keseluruhannya memberi isyarat bahawa prospek ekonomi yang lebih baik pada bulan-bulan akan datang.

Ekonomi Dunia

Penularan wabak COVID-19 yang berterusan di seluruh dunia masih mempengaruhi ekonomi dunia serta menjelaskan pemulihan ekonomi dan keseimbangan pasaran buruh. International Labour Organization (ILO) telah menurunkan unjurannya bagi pemulihan pasaran buruh pada tahun 2022 dan menjangkakan pengangguran global akan kekal berada di atas paras pra-pandemik COVID-19 sehingga sekurang-kurangnya tahun 2023.

Berdasarkan *World Economic Outlook Update* yang diterbitkan pada Januari 2022, pertumbuhan ekonomi global dijangka menyederhana daripada 5.9 peratus pada tahun 2021 kepada 4.4 peratus bagi tahun 2022, sebelum perlana kepada 3.8 peratus pada tahun 2023. Prestasi ekonomi negara terpilih bagi suku tahun keempat tahun 2021 adalah seperti di **Jadual 1**.

Jadual 1: Kadar Pertumbuhan KDNK bagi Negara Terpilih, Tahun ke Tahun(%), 2019-2021

| NEGARA | 2019 | 2020 | 2021 | 2020 | | | | 2021 | | | |
|--------------------------|------|------|------|------|-------|-------|------|------|------|------|------|
| | | | | ST1 | ST2 | ST3 | ST4 | ST1 | ST2 | ST3 | ST4 |
| MALAYSIA | 4.4 | -5.6 | 3.1 | 0.7 | -17.2 | -2.7 | -3.4 | -0.5 | 16.1 | -4.5 | 3.6 |
| UNITED STATES OF AMERICA | 2.3 | -3.4 | 5.7 | 0.6 | -9.1 | -2.9 | -2.3 | 0.5 | 12.2 | 4.9 | 5.5* |
| EUROPEAN UNION | 1.6 | -6.1 | 5.2 | -2.5 | -13.7 | -3.9 | -4.1 | -1.1 | 13.8 | 4.1 | 4.8 |
| UNITED KINGDOM | 1.7 | -9.4 | 7.5 | -2.1 | -21.2 | -7.8 | -6.4 | -5.0 | 24.6 | 7.0 | 6.5 |
| GERMANY | 0.6 | -5.0 | 2.8 | -1.8 | -10.0 | 9.0 | 0.7 | -1.7 | 2.2 | 1.7 | -0.7 |
| ITALY | 0.4 | -8.9 | 2.4 | 6.0 | -18.2 | -5.4 | -6.4 | -0.3 | 17.3 | 4.0 | 6.4 |
| CHINA | 6.0 | 2.3 | 8.1 | -6.9 | 3.1 | 4.8 | 6.4 | 18.3 | 7.9 | 4.9 | 4.0 |
| REPUBLIC OF KOREA | 2.2 | -0.9 | 4.0 | 1.5 | -2.6 | -1.0 | -1.1 | 1.9 | 6.0 | 4.0 | 4.1* |
| TAIWAN | 3.0 | 3.4 | 6.3 | 3.0 | 0.6 | 4.3 | 5.3 | 9.2 | 7.8 | 3.7 | 4.9* |
| INDONESIA | 5.0 | -2.1 | 3.7 | 3.0 | -5.3 | -3.5 | -2.2 | -0.7 | 7.1 | 3.5 | 5.0 |
| PHILIPPINES | 6.1 | -9.6 | 5.6 | -0.7 | -17 | -11.6 | -8.3 | -3.9 | 12.0 | 7.1 | 7.7 |
| SINGAPORE | 1.3 | -5.4 | 7.2 | 0.0 | -13.3 | -5.8 | -2.4 | 1.6 | 15.3 | 7.1 | 5.9 |

Sumber: National Statistics Office pelbagai negara

Nota:

(*) Anggaran awalan

Pada suku tahun keempat 2021, unjuran awal KDNK **United States** meningkat 5.5 peratus berbanding 4.9 peratus pada suku tahun sebelumnya. Pengembangan ini didorong oleh peningkatan dalam pelaburan inventori swasta, eksport, perbelanjaan penggunaan peribadi (PCE), dan pelaburan tetap bukan kediaman yang sebahagiannya mengimbangi penurunan dalam perbelanjaan kerajaan negeri dan tempatan serta perbelanjaan kerajaan persekutuan.

Ekonomi **United Kingdom (UK)** meningkat 6.5 peratus pada suku tahun keempat selepas merekodkan pertumbuhan 7.0 peratus pada suku tahun sebelumnya. Pertumbuhan pada suku tahun keempat ini dipengaruhi oleh kemunculan varian Omicron yang memberi kesan kepada pengeluaran perkhidmatan.

Menurut anggaran awalan yang telah diterbitkan oleh Statistical Office of the European Union (EU), KDNK **EU** bertumbuh 4.8 peratus pada suku tahun keempat tahun 2021. Di antara negara EU, ekonomi **Germany** menguncup 0.7 peratus pada suku tahun keempat 2021 berbanding 1.7 peratus yang direkodkan sebelumnya. Penguncutan ekonomi Germany pada suku tahun ini berikutan gangguan bekalan global di luar jangkaan serta gelombang keempat penularan COVID-19. Sementara itu, **Italy** mencatatkan pertumbuhan ekonomi 6.4 peratus, didorong oleh permintaan domestik.




Ekonomi di **China** pada suku tahun keempat menyederhana kepada 4.0 peratus berbanding 4.9 peratus pada suku tahun ketiga, seterusnya menjadikan KDNK tahunan kepada 8.1 peratus. Pertumbuhan pada suku tahun keempat dipengaruhi oleh peningkatan semula kes COVID-19 dan juga kemerosotan prestasi harta tanah yang mengekang momentum ekonomi. Bagi negara **Taiwan**, anggaran awalan KDNK meningkat 4.9 peratus pada suku tahun keempat 2021, bertambah baik daripada 3.7 peratus pada suku tahun sebelumnya dipacu oleh eksport yang kukuh dalam barang berkaitan teknologi semasa pandemik COVID-19.

Ekonomi **Republic of Korea** bertumbuh 4.1 peratus pada suku tahun keempat 2021, menjadikan KDNK tahunan berkembang 4.0 peratus pada 2021. Pertumbuhan suku tahun keempat ini didorong oleh pertumbuhan berterusan dalam pelaburan berkaitan kemudahan dan penggunaan kerajaan sementara penggunaan swasta dan eksport turut memulih. Manakala dari segi pengeluaran, kemerosotan dalam pembinaan, pembuatan dan perkhidmatan kembali menunjukkan peningkatan.

Di rantau **ASEAN**, ekonomi **Indonesia** berkembang 5.0 peratus pada suku tahun keempat disumbangkan oleh harga komoditi yang kukuh dan kadar vaksinasi yang tinggi. Dari segi pengeluaran, peningkatan KDNK didorong oleh aktiviti kerja sosial dan kesihatan manakala dari segi perbelanjaan, pengembangan tersebut dirangsang oleh eksport barang dan perkhidmatan.

Berdasarkan anggaran awalan, ekonomi **Singapore** berkembang sederhana kepada 5.9 peratus pada suku tahun keempat 2021 berbanding pertumbuhan 7.1 peratus pada suku tahun sebelumnya, disokong oleh pengembangan pengeluaran bagi semua kluster. Secara khususnya, kluster kejuruteraan elektronik mencatatkan pertumbuhan pengeluaran yang kukuh didorong oleh permintaan global yang mampan bagi semikonduktor dan peralatan semikonduktor. Pada masa yang sama, KDNK **Philippines** bertumbuh 7.7 peratus pada suku tahun keempat 2021 dan meningkat 5.6 peratus bagi keseluruhan tahun 2021. Prestasi ini disokong oleh Pembinaan (18.5 peratus), Perdagangan borong dan runcit, pemberian kendaraan bermotor dan motosikal (7.4 peratus) dan Pembuatan (7.2 peratus).

Carta 1: Indeks Perbandingan Paras Ekonomi Pra-Pandemik Negara Terpilih (2019=100)



Sumber: : Pengiraan berdasarkan laman web rasmi Agensi Statistik Negara Terpilih

Nota:

1. ST4 2019 adalah tahun rujukan pra-pandemik (ST4 2019=100)
2. Indeks > 100 menunjukkan paras nilai melebihi pra-pandemik ST4 2019
3. Indeks < 100 menunjukkan paras nilai lebih rendah daripada pra-pandemik ST4 2019

Secara keseluruhannya, pertumbuhan ekonomi global telah memulih pada tahun 2021 didorong oleh strategi pemulihan ekonomi yang dilaksanakan oleh setiap negara secara berterusan sepanjang pandemik COVID-19. Program vaksinasi yang pantas dilaksanakan oleh setiap negara juga merupakan faktor utama pemulihan ekonomi global pada tahun 2021. Prestasi ekonomi beberapa negara seperti China, USA, Korea, Taiwan, Singapore dan Indonesia telah kembali pulih di mana mata indeks telah melebihi paras pra-pandemik tahun 2019. Sementara itu, prestasi ekonomi Malaysia adalah 2.7 peratus lebih rendah berbanding paras sebelum pandemik dengan catatan 97.3 mata indeks selari dengan Philippines yang merekodkan 95.5 mata indeks.


Ekonomi Malaysia

Ekonomi Malaysia pada suku tahun keempat 2021 pulih 3.6 peratus selepas penyusutan 4.5 peratus pada suku tahun sebelumnya yang menunjukkan negara kembali dalam landasan pemulihan pada tahun 2022. Prestasi ini telah melepas paras ekonomi suku tahun keempat 2019 (paras pra-pandemik) iaitu sebanyak 0.01 peratus atau bersamaan dengan RM34.1 juta (**Carta 2**). Hampir semua sektor penawaran iaitu sektor Pembuatan, Perkhidmatan dan Pertanian merekodkan prestasi lebih baik kecuali sektor Perlombongan & pengkuarian dan Pembinaan yang kekalerosot pada suku tahun keempat 2021. Dari segi perbelanjaan, kesemua komponen mencatatkan peningkatan kecuali Pembentukan modal tetap kasar yang menguncup pada suku tahun ini.

Prestasi Ekonomi Malaysia Suku Tahun Keempat 2021

Prestasi suku tahun keempat diterajui oleh sektor Pembuatan yang meningkat 9.1 peratus (ST3 2021: -0.8%) sekaligus telah melepas paras pra-pandemik dengan mencatatkan 112.5 mata indeks disokong oleh Produk elektrik, elektronik & optikal (16.4%) dan diikuti oleh Produk petroleum, kimia, getah & plastik (6.5%).

Carta 2: Perbandingan Indeks Paras Ekonomi dengan Pra-Pandemik (ST4 2019=100)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Nota:

1. ST4 2019 adalah tahun rujukan pra-pandemik (ST4 2019=100)
2. Indeks > 100 menunjukkan paras nilai melebihi pra-pandemik ST4 2019
3. Indeks < 100 menunjukkan paras nilai lebih rendah daripada pra-pandemik ST4 2019


Sektor Perkhidmatan yang mencatatkan 98.2 mata indeks dilihat masih berada dibawah paras pra-pandemik 2019. Ini adalah dipengaruhi oleh penurunan dua digit bagi subsektor Hartanah (-13.6%), diikuti oleh penurunan 3.7 peratus dalam subsektor Perkhidmatan perniagaan dan Pendidikan swasta (-3.1%). Namun begitu, berbanding dengan tahun sebelumnya, sektor Perkhidmatan masih mencatatkan peningkatan pada suku tahun keempat 2021 kepada 3.2 peratus (ST3 2021: -4.9%) yang disokong oleh pertumbuhan subsektor Maklumat & komunikasi (6.8%), diikuti oleh subsektor Pengangkutan & penyimpanan (11.7%) dan Kewangan & insurans (4.0%).



Sektor Pertanian meningkat 2.8 peratus (ST3 2021: -1.9%) pada suku tahun ini seterusnya mengatasi paras tahun 2019 dengan mencatatkan 101.8 mata indeks. Pertumbuhan yang lebih baik ini disokong oleh subsektor Kelapa sawit yang mencatatkan pertumbuhan 4.8 peratus dan subsektor Pertanian lain sebanyak 5.4 peratus.

Selain itu, sektor Perlombongan & pengkuarian dan Pembinaan masih lebih rendah berbanding paras pra-pandemik dengan masing-masing mencatatkan mata indeks sebanyak 88.8 mata dan 75.6 mata. Kedua-dua sektor turut mencatatkan penurunan berbanding tahun 2020. Sektor Perlombongan & pengkuarian menyusut 0.9 peratus dipengaruhi oleh subsektor Minyak mentah & kondensat yang merosot 6.5 peratus (ST3 2021: -8.0%) manakala sektor Pembinaan jatuh dua digit 12.2 peratus (ST3 2021: -20.6%) dipengaruhi oleh penurunan dalam Bangunan kediaman (-24.3%), Kejuruteraan awam (-18.8%) serta Bangunan bukan kediaman (-11.9%).

Carta 3: Perbandingan Indeks Paras Ekonomi dengan Pra-Pandemik (ST4 2019=100) mengikut Jenis Perbelanjaan



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Nota:

1. ST4 2019 adalah tahun rujukan pra-pandemik (ST4 2019=100)
2. Indeks > 100 menunjukkan paras nilai melebihi pra-pandemik ST4 2019
3. Indeks < 100 menunjukkan paras nilai lebih rendah daripada pra-pandemik ST4 2019

Berdasarkan sudut Perbelanjaan, kesemua komponen telah melepassi paras pra-pandemik 2019 kecuali Pembentukan modal tetap kasar yang menguncup pada suku tahun ini. Penggunaan akhir swasta telah mencatatkan 100.1 mata indeks mengatasi paras tahun 2019 disumbangkan oleh peningkatan penggunaan dalam Makanan & minuman bukan alkohol (5.1%), Komunikasi (12.6%) dan Restoran & hotel (3.8%). Perbelanjaan penggunaan akhir kerajaan juga telah melebihi aras pra-pandemik dengan merekodkan 106.8 mata indeks disokong oleh perbelanjaan ke atas bekalan dan perkhidmatan terutamanya oleh perbelanjaan berkaitan dengan kesihatan. Sementara itu, import dan eksport masing-masing meningkat kepada 14.6 peratus dan 13.3 peratus pada suku tahun keempat tahun ini seterusnya mencatatkan mata indeks tertinggi iaitu 110.7 dan 110.9 mata melebihi paras pra-pandemik 2019.

Sementara itu, Pembentukan modal tetap kasar (PMTK) atau pelaburan aset tetap menguncup 3.3 peratus (ST3 2021: -10.8%) pada suku tahun ini dan masih belum mengatasi paras pra-pandemik 2019 dengan mencatatkan 85.3 mata indeks, atau 2.9 mata lebih rendah daripada tahun 2020 dipengaruhi oleh Struktur (-15.5%) dan Aset lain (-3.1%).

Prestasi Ekonomi Malaysia Tahunan 2021

Pandemik COVID-19 masih melanda Malaysia dan seluruh dunia walaupun pelbagai usaha telah dilaksanakan termasuk pemberian vaksin dan dos penggalak bagi mengekang penularan. Menuju penghujung tahun 2021, negara telah beralih ke Fasa 4 Pelan Pemulihan Negara (PPN) di mana lebih banyak sektor ekonomi dan aktiviti sosial telah beroperasi semula. Perkembangan positif ini membolehkan peniaga mengembalikan momentum perniagaan dan ini terbukti dengan catatan prestasi ekonomi tahun 2021 yang telah bertumbuh 3.1 peratus berbanding negatif 5.6 peratus pada 2020.

Namun demikian, prestasi ekonomi Malaysia pada tahun 2021 adalah lebih rendah berbanding paras pra-pandemik 2019 dengan kesemua sektor menyumbang kepada pertumbuhan yang perlahan kecuali sektor Pembuatan. Sektor Pembuatan berupaya melepas pra-pandemik dengan mencatatkan 106.6 mata indeks disokong oleh subsektor Produk elektrik, elektronik & optikal, Produk petroleum, kimia, getah & plastik dan juga Produk minyak & lemak daripada sayuran & haiwan & pemrosesan makanan yang merekodkan mata indeks melebihi 2019 seperti di **Jadual 2**. Di samping itu, sektor Pembuatan yang berorientasikan eksport juga telah menunjukkan pertumbuhan dua digit iaitu 11.7 peratus pada 2021 sekaligus melebihi pertumbuhan pada 2019 sebanyak 3.1 peratus. Kesemua subsektor yang berorientasikan eksport mencatatkan peningkatan pertumbuhan pada 2021 kecuali dua subsektor iaitu Minyak & lemak daripada sayuran & haiwan dan Tekstil.

Sektor Perkhidmatan yang merupakan penyumbang terbesar kepada ekonomi mencatatkan 96.3 mata indeks, 3.7 mata lebih rendah daripada paras pra-pandemik. Prestasi ini dipengaruhi oleh subsektor yang mencatatkan penurunan dua digit iaitu Penginapan (-24.3%), Pengangkutan udara (-30.4%), Hartanah (-13.1%) dan Perkhidmatan perniagaan (-10.1%). Walau bagaimanapun, prestasi 2021 adalah lebih baik berbanding 2020 yang merekodkan 94.5 mata indeks. Peningkatan ini disokong oleh subsektor Utiliti, Maklumat & komunikasi dan Kewangan & insurans yang masing-masing telah melepas paras 2019 dengan mencatatkan mata indeks masing-masing iaitu 101.2 mata, 112.7 mata dan 113.2 mata.

Sementara itu, prestasi sektor Pertanian dan Pembinaan adalah lebih rendah berbanding tahun 2020. Subsektor Kelapa sawit merosot daripada 96.4 mata pada tahun 2020 kepada 91.0 mata pada 2021 sekaligus memberi kesan kepada keseluruhan sektor Pertanian yang mencatatkan penurunan sebanyak 0.2 mata berbanding tahun 2020. Bagi sektor Pembinaan, subsektor Kejuruteraan awam merekodkan penurunan mata indeks yang ketara pada tahun 2021 iaitu 59.0 mata (2020=72.1 mata). Ini seterusnya memberi impak kepada keseluruhan sektor Pembinaan dengan mata indeks berkurang kepada 76.4 mata berbanding 80.6 mata pada tahun 2020.

Dari segi permintaan, semua komponen perbelanjaan mencatatkan pertumbuhan positif pada 2021 kecuali Pembentukan modal tetap kasar (PMTK) yang menyusut 0.9 peratus (2020: -14.5%). Walau bagaimanapun, sektor Perbelanjaan penggunaan akhir swasta masih di bawah paras pra-pandemik 2019. Namun begitu, bagi penggunaan isi rumah iaitu Komunikasi telah mencatatkan mata indeks yang tertinggi melepas tahun 2019 iaitu 119.8 mata dan diikuti oleh Makanan & minuman bukan alkohol (111.4) dan Perumahan, air, elektrik, gas & bahan api lain (106.8). Pada masa yang sama, perbelanjaan bagi Pembentukan modal tetap kasar adalah 15.2 peratus lebih rendah pada 2021.

Secara keseluruhan, paras ekonomi Malaysia pada tahun 2021 masih lebih rendah berbanding tahun 2019 di mana KDNK menyusut 2.7 peratus (-RM38.2 bilion). Namun, prestasi ekonomi Malaysia tahun 2021 menunjukkan momentum pemulihan yang lebih baik berbanding tahun 2020, di mana nilai KDNK pada tahun 2020 berkurang lebih besar iaitu sebanyak RM80.4 bilion berbanding 2019. Ini secara tidak langsung juga memberi kesan kepada Pendapatan Negara Kasar (PNK) per kapita yang meningkat 7.7 peratus (RM45,874). Selain daripada strategi kerajaan yang telah membuka semula aktiviti ekonomi, sosial dan riadah, penarikan sekatan pergerakan dalam negara juga telah memberi manfaat kepada industri pelancongan domestik. Ini sekaligus menjadi pemangkin dalam usaha kerajaan memulihkan semula ekonomi negara.

Jadual 2: Indeks Perbandingan Paras Ekonomi Pra-Pandemik (2019=100)

| TAHUN | 2019=100 | 2019 | 2020 | 2021 |
|---|-----------------|--------------|-------------|-------------|
| KDNK | 100.0 | 94.4 | 97.3 | |
| PENAWARAN | | | | |
| Pertanian | 100.0 | 100.0 | 97.8 | |
| Getah | 100.0 | 100.0 | 81.4 | |
| Kelapa sawit | 100.0 | 100.0 | 96.4 | |
| Ternakan | 100.0 | 100.0 | 103.5 | |
| Pertanian lain | 100.0 | 100.0 | 105.1 | |
| Perhutanan dan pembalakan | 100.0 | 100.0 | 81.2 | |
| Perikanan marin | 100.0 | 100.0 | 88.9 | |
| Akuakultur | 100.0 | 100.0 | 98.5 | |
| Perlombongan dan Pengkuarian | 100.0 | 89.4 | 90.0 | |
| Minyak mentah dan kondesat | 100.0 | 87.6 | 82.6 | |
| Gas asli | 100.0 | 90.7 | 96.6 | |
| Perlombongan & pengkuarian dan perkhidmatan sokongan lain | 100.0 | 91.0 | 88.2 | |
| Pembuatan | 100.0 | 97.4 | 106.6 | |
| Lemak sayuran & ternakan dan pemprosesan makanan | 100.0 | 101.7 | 103.9 | |
| Minuman dan produk tembakau | 100.0 | 83.7 | 84.2 | |
| Produk tekstil, pakaian dan kulit | 100.0 | 86.7 | 93.8 | |
| Produk kayu, perabot, kertas dan percetakan | 100.0 | 92.6 | 98.8 | |
| Produk petroleum kimia, getah dan plastik | 100.0 | 99.0 | 111.8 | |
| Produk mineral bukan logam, logam asas dan produk logam yang direka | 100.0 | 87.0 | 90.7 | |
| Produk elektrik, elektronik dan optik | 100.0 | 102.6 | 117.6 | |
| Peralatan pengangkutan, pembuatan lain dan pembaikan | 100.0 | 95.3 | 96.9 | |
| TAHUN | 2019=100 | 2019 | 2020 | 2021 |
| Pembinaan | 100.0 | 80.6 | 76.4 | |
| Bangunan kediaman | 100.0 | 82.9 | 72.5 | |
| Bukan bangunan kediaman | 100.0 | 82.7 | 80.9 | |
| Kejuruteraan awam | 100.0 | 72.1 | 59.0 | |
| Aktiviti pembinaan pertukangan khas | 100.0 | 92.7 | 111.8 | |
| Perkhidmatan | 100.0 | 89.4 | 90.0 | |
| Utiliti | 100.0 | 98.7 | 101.2 | |
| Perdagangan borong dan runcit | 100.0 | 93.9 | 95.5 | |
| Makanan & minuman dan penginapan | 100.0 | 73.5 | 65.4 | |
| Pengangkutan dan penyimpanan | 100.0 | 78.1 | 79.2 | |
| Maklumat dan komunikasi | 100.0 | 106.0 | 112.7 | |
| Kewangan & insurans | 100.0 | 102.7 | 113.2 | |
| Khidmat hartanah & perniagaan | 100.0 | 84.8 | 75.5 | |
| Kesihatan dan pendidikan | 100.0 | 92.8 | 93.7 | |
| Perkhidmatan lain | 100.0 | 88.0 | 83.1 | |
| Perkhidmatan kerajaan | 100.0 | 104.5 | 110.1 | |
| PERMINTAAN | | | | |
| Perbelanjaan penggunaan akhir swasta | 100.0 | 95.7 | 97.4 | |
| Perbelanjaan penggunaan akhir kerajaan | 100.0 | 103.9 | 110.8 | |
| Pembentukan modal tetap kasar | 100.0 | 85.5 | 84.8 | |
| Eksport barang & perkhidmatan | 100.0 | 91.1 | 105.6 | |
| Import barang & perkhidmatan | 100.0 | 91.6 | 108.5 | |
| Eksport barang & perkhidmatan bersih | 100.0 | 87.0 | 81.9 | |


Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Nota:

1. 2019 adalah tahun rujukan pra-pandemik (2019=100)
2. Indeks > 100 menunjukkan paras nilai melebihi tahun pra-pandemik 2019
3. Indeks < 100 menunjukkan paras nilai lebih rendah daripada tahun pra-pandemik 2019

Ekonomi Malaysia dijangka mengalami trend pertumbuhan dalam beberapa bulan akan datang. Ini dicerminkan oleh prestasi tahunan Indeks Pelopor (IP) yang meningkat kepada 2.1 peratus pada Disember 2021 daripada 1.6 peratus pada November 2021. Selain itu, paras IP terus melepas 100.0 mata dan meningkat sehingga mencecah 111.5 mata. Dari perspektif prestasi bulanan, IP dilihat terus mencatatkan momentum positif pada 0.3 peratus pada bulan rujukan. Di samping itu, bagi menyokong pemulihan ekonomi negara, kerajaan telah memberi jaminan bahawa sekatan pergerakan penuh disebabkan COVID-19 tidak akan berlaku dan sempadan negara akan dibuka sepenuhnya pada Mac 2022.


Carta 4: Indeks Pelopor (2015=100) dan Kitaran Perniagaan (Kawasan Berlorek Kelabu), Januari 1991 - Disember 2021



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Persepsi perniagaan yang lebih baik dijangkakan pada suku tahun pertama 2022 apabila keyakinan perniagaan melonjak ke trajektori positif kali pertama sejak suku tahun keempat 2019, dengan petunjuk keyakinan merekaikan +7.6 peratus daripada -0.3 peratus pada suku tahun keempat 2021. Ini didorong terutamanya oleh Perkhidmatan, Industri dan Perdagangan Borong & Runcit yang optimistik terhadap keadaan perniagaan mereka bagi suku tahun pertama 2022. Melangkah ke hadapan, prospek perniagaan bagi separuh pertama tahun 2022 terus bertambah baik dengan imbalan bersih +18.9 peratus berbanding +24.1 peratus yang dicatatkan untuk tempoh Oktober 2021 hingga Mac 2022.

Carta 5: Petunjuk Keyakinan Suku Tahunan, ST1 2018 - ST1 2022



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Lee Chee You¹, Nur Ellya Saed²^{1,2} Bahagian Perangkaan Pengeluaran Industri dan Binaan, Jabatan Perangkaan Malaysia

PENGENALAN

Penggunaan tenaga elektrik Malaysia bermula pada tahun 1894 di sebuah lombong bijih timah di Rawang, Selangor. Pada tahun berikutnya, stesen keretapi di Kuala Lumpur dibekalkan tenaga elektrik. Bekalan tenaga elektrik telah berkembang sejak stesen janakuasa pertama Malaysia di Raub mula beroperasi pada tahun 1900 (Tenaga Nasional Berhad, 2021).

Industri elektrik terus berkembang lebih dari satu abad berikutan permintaan tenaga elektrik yang tinggi didorong penggunaan jentera perindustrian dan produk berasaskan elektrik berteknologi tinggi. Pada tahun 2020, industri elektrik menyumbang RM29.5 bilion atau 2.2 peratus Keluaran Dalam Negeri Kasar negara.

Statistik oleh Suruhanjaya Tenaga menunjukkan, sumber utama penjanaan tenaga elektrik negara adalah arang batu yang menyumbang sebanyak 52.9 peratus kepada keseluruhan penjanaan pada tahun 2018. Ini diikuti oleh gas asli (29.8%) dan tenaga hidro (16.1%). Dari segi pengeluaran, stesen janakuasa termal menghasilkan 80.2 peratus tenaga elektrik pada tahun 2019. Ini diikuti stesen janakuasa hidro (8.0%) dan stesen *co-gen* (4.2%).

Teknologi moden telah membawa perkembangan pengeluaran tenaga elektrik berasaskan tenaga boleh diperbaharui. Pada tahun 2019, fotovolta suria (PV) atau solar menyumbangkan 39.9 peratus dalam pengeluaran tenaga boleh diperbaharui. Ini diikuti biojisim (28.8%), biogas (18.1%), hidro kecil (11.3%) dan sisa pepejal (1.9%) (Sustainable Energy Development Authority Malaysia, 2021).

Tenaga elektrik bukan sahaja sebagai input penting kepada aktiviti ekonomi, malahan ia juga menjana pendapatan negara melalui eksport. Tenaga elektrik mula dieksport ke Indonesia pada tahun 2016 (Borneo Post, 2016) dan merekodkan pertumbuhan dua digit sehingga tahun 2019. Eksport tenaga elektrik menguncup 7.5 peratus akibat penularan wabak COVID-19 yang menyebabkan permintaan yang lebih rendah pada tahun 2020.

PENGGUNAAN TENAGA ELEKTRIK

Sejak sedekad yang lalu, permintaan tenaga elektrik meningkat 2.9 peratus setahun daripada 105,593.5 juta kWj pada tahun 2011 kepada 140,571.1 juta kWj pada tahun 2020 (**Carta 1a**). Pertumbuhan ini adalah sejajar dengan perkembangan ekonomi tahunan di antara 4.3 – 6.0 peratus pada tempoh yang sama. Selain itu, pertambahan bilangan penduduk dan cara hidup yang lebih bergantung kepada produk berteknologi tinggi turut menyumbang kepada peningkatan keperluan tenaga elektrik.

Carta 1a: Penggunaan Tenaga Elektrik, 2011 – 2020



Sumber: Tenaga Nasional Berhad (TNB), Sarawak Energy Berhad (SEB) dan Sabah Energy Sdn. Bhd. (SESB)

Semenjak tahun 2011, permintaan tenaga elektrik julung kali menurun apabila menguncup 4.7 peratus kepada 140,571.1 juta kWj pada tahun 2020. Penggunaan tenaga elektrik berkurangan ketara berikutan penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat penularan wabak COVID-19 mulai bulan Mac 2020. Sepanjang tempoh PKP, hanya perkhidmatan perlu sahaja dibenarkan beroperasi.


Artikel ini bertujuan melihat corak penggunaan tenaga elektrik di era COVID-19. Statistik deskriptif digunakan untuk menganalisis data penggunaan tenaga elektrik yang berkaitan dalam bentuk peratusan sumbangan dan perubahan seperti yang dipaparkan melalui jadual dan carta.

PENGGUNAAN TENAGA ELEKTRIK MENGIKUT SEGMENT

Prosedur operasi standard yang lebih ketat dan pengurangan penggunaan fasiliti ekonomi telah menghadkan pertumbuhan penggunaan tenaga elektrik pada tahun 2020. Pada tahun tersebut, penggunaan tenaga elektrik oleh perindustrian, komersial dan perlombongan masing-masing menguncup 6.6 peratus, 12.0 peratus dan 23.5 peratus.

Walau bagaimanapun, penggunaan tenaga elektrik dalam aktiviti pertanian dan domestik (tempat kediaman) mencatatkan pertumbuhan positif. Aktiviti pertanian merekodkan pertumbuhan 3.0 peratus, berbanding 7.5 peratus tahun pada sebelumnya. Penggunaan domestik pula mencatatkan pertumbuhan tertinggi sejak tahun 2011 pada kadar 9.7 peratus (**Carta 1b**). Norma baharu seperti bekerja dari rumah untuk memutuskan rantaian wabak COVID-19 memacu permintaan tenaga elektrik domestik pada tahun tersebut.

Carta 1b: Pertumbuhan Penggunaan Elektrik mengikut Segmen Penggunaan, 2018 - 2020



Sumber: Tenaga Nasional Berhad (TNB), Sarawak Energy Berhad (SEB) dan Sabah Energy Sdn. Bhd. (SESB)

PENGGUNAAN TENAGA ELEKTRIK BULANAN

Penggunaan tenaga elektrik merosot 21.4 peratus pada bulan April 2020 akibat penguatkuasaan PKP yang bermula 18 Mac 2020 dan hampir semua aktiviti ekonomi terhenti. Sektor Perlombongan mencatatkan kemerosotan penggunaan tenaga elektrik tertinggi dalam sejarah pada bulan April, iaitu negatif 79.1 peratus. Ini diikuti sektor Komersial (-29.9%) dan Perindustrian (-29.7%). Malahan, penggunaan tenaga elektrik oleh domestik dan pertanian masing-masing mencatatkan pertumbuhan 6.4 peratus dan 3.2 peratus.

Pembukaan semula aktiviti ekonomi secara berperingkat mulai bulan Mei 2020 telah menyumbang kepada peningkatan penggunaan elektrik, merekodkan pertumbuhan negatif yang lebih kecil 4.8 peratus pada Jun 2020. Sektor Perindustrian bertumbuh negatif 5.2 peratus dan sektor Komersial, negatif 13 peratus.

Carta 1c: Pertumbuhan Penggunaan Tenaga Elektrik Bulanan (Tahun ke Tahun) mengikut Segmen Penggunaan, 2019 - 2020




Sumber: Tenaga Nasional Berhad (TNB), Sarawak Energy Berhad (SEB) dan Sabah Energy Sdn. Bhd. (SESB)

PENGUNAAN TENAGA ELEKTRIK MENGIKUT NEGERI

Secara purata, penggunaan tenaga elektrik bulanan Malaysia adalah sebanyak 12,004.9 juta kWj bagi tempoh 2019 & 2020. Selangor, Sarawak, Johor dan WP Kuala Lumpur merupakan empat negeri yang paling banyak menggunakan tenaga elektrik di Malaysia, iaitu 61.2 peratus daripada jumlah penggunaan keseluruhan. Pada tahun 2020, penggunaan elektrik mencatatkan pertumbuhan negatif di semua negeri akibat penularan wabak COVID-19 kecuali negeri Kelantan. Ini kerana penggunaan tenaga elektrik negeri Kelantan adalah didominasi oleh domestik.


Carta 1d: Pertumbuhan Penggunaan Tenaga Elektrik (Tahun ke Tahun) mengikut Negeri, 2019 dan 2020



Sumber: Tenaga Nasional Berhad (TNB), Sarawak Energy Berhad (SEB) dan Sabah Energy Sdn. Bhd. (SESB)

Penggunaan tenaga elektrik mengikut segmen seperti perindustrian, komersial dan domestik mengalami perubahan ketara pada tahun 2020. Segmen perindustrian mendominasi 45 peratus penggunaan tenaga elektrik di Malaysia pada tahun 2020 dan sumbangan ini berkurang 0.9 mata peratusan berbanding tahun 2019. Jumlah penggunaan tenaga elektrik segmen komersial menurun 2.4 peratus mata peratus kepada 28.6 peratus pada tahun 2020. Sumbangan penggunaan tenaga elektrik segmen domestik meningkat kepada 24.7 peratus pada tahun 2020 berbanding 21.4 peratus pada tahun 2019.


Carta 1e: Sumbangan Penggunaan Tenaga Elektrik mengikut Segmen Pengguna, 2019 dan 2020



Sumber: Tenaga Nasional Berhad (TNB), Sarawak Energy Berhad (SEB) dan Sabah Energy Sdn. Bhd. (SESB)

Penggunaan tenaga elektrik segmen perindustrian menurun 6.6 peratus pada tahun 2020 berbanding peningkatan 1.6 peratus pada tahun sebelumnya. Penurunan ini disebabkan pengurangan penggunaan tenaga elektrik oleh perindustrian di Sarawak (-4.6%), Selangor (-7.0%) dan Johor (-6.0%). Pembukaan semula sektor perindustrian bermula Mei 2020 meningkatkan permintaan elektrik sektor ini selepas mengalami kemerosotan dua digit pada bulan April 2020 (-29.7%).

Carta 1f: Pertumbuhan Penggunaan Tenaga Elektrik (Tahun ke Tahun) Sektor Perindustrian, 2019 dan 2020



Sumber: Tenaga Nasional Berhad (TNB), Sarawak Energy Berhad (SEB) dan Sabah Energy Sdn. Bhd. (SESB)

Penggunaan elektrik segmen Komersial mengalami penurunan 12.0 peratus pada tahun 2020 disebabkan permintaan yang berkurangan di Selangor (-12.6%), WP Kuala Lumpur (-13.4%) dan Johor (-11.3%). Penutupan operasi perniagaan semasa pelaksanaan PKP telah menyebabkan penggunaan elektrik segmen ini menguncup pada Mac, April dan Mei 2020 dengan penurunan masing-masing 9.3 peratus, 29.9 peratus dan 37.2 peratus.

Penggunaan elektrik segmen Domestik meningkat 9.7 peratus pada tahun 2020 berbanding 5.8 peratus pada tahun sebelumnya. Peningkatan penggunaan elektrik di beberapa negeri seperti Selangor (12.5%), W.P. Kuala Lumpur (8.3%) dan Johor (5.8%) membawa kepada pertambahan positif dalam segmen ini. Pertumbuhan ini disumbangkan oleh norma baharu seperti bekerja dari rumah dan sesi pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR).

Penggunaan segmen Perlombongan turut menguncup 23.5 peratus pada tahun 2020 disebabkan penggunaan yang lebih rendah di Pahang (-45.8%) dan Perak (-18.7%).

Penggunaan segmen Pertanian bertumbuh 3.0 peratus pada tahun 2020 berbanding 7.5 peratus pada tahun sebelumnya dengan negeri Perak dan Melaka masing-masing mencatatkan pertumbuhan positif 4.5 peratus dan 2.0 peratus.

Jadual 1a: Pertumbuhan Penggunaan Elektrik (Tahun ke Tahun) Sektor Perindustrian, Perniagaan dan Kediaman, 2019 dan 2020

| Negeri | 2019 | | | 2020 | | |
|-------------------|---------------|------------|----------|---------------|------------|----------|
| | Perindustrian | Perniagaan | Kediaman | Perindustrian | Perniagaan | Kediaman |
| Johor | 2.2 | 3.3 | 6.7 | -6.0 | -11.3 | 5.8 |
| Kedah | -2.8 | 1.5 | 6.2 | -9.1 | -15.2 | 11.5 |
| Kelantan | 14.0 | 1.8 | 5.0 | -1.7 | -8.1 | 13.0 |
| Melaka | 2.1 | 3.3 | 10.4 | -7.1 | -15.3 | 7.1 |
| Negeri Sembilan | 1.2 | 3.8 | 6.5 | -6.1 | -12.2 | 10.1 |
| Pahang | -2.1 | 3.6 | 5.4 | -11.3 | -12.1 | 10.1 |
| Pulau Pinang | -2.1 | 1.6 | 6.0 | -8.2 | -12.6 | 9.1 |
| Perak | 1.9 | 2.1 | 6.0 | -7.0 | -10.5 | 8.4 |
| Perlis | -15.4 | 0.0 | 5.5 | -8.0 | -12.9 | 11.0 |
| Selangor | -2.3 | 3.1 | 6.5 | -7.0 | -12.6 | 12.5 |
| Terengganu | 10.1 | 2.8 | 6.3 | -14.9 | -8.6 | 12.4 |
| Sabah* | 2.6 | 4.8 | 5.0 | -9.0 | -13.0 | 9.2 |
| Sarawak | 6.5 | -3.1 | 1.4 | -4.6 | -6.6 | 9.1 |
| W.P. Kuala Lumpur | -10.8 | 2.4 | 5.0 | -7.7 | -13.4 | 8.3 |
| W.P. Putrajaya | 0.8 | 1.5 | 14.7 | 18.0 | -6.6 | 17.9 |
| Malaysia | 1.6 | 2.4 | 5.8 | -6.6 | -12.0 | 9.7 |

Sumber: Tenaga Nasional Berhad (TNB), Sarawak Energy Berhad (SEB) dan Sabah Energy Sdn. Bhd. (SESB)

Nota:

* termasuk W.P. Labuan

STRUKTUR PENGGUNAAN TENAGA ELEKTRIK

Struktur penggunaan tenaga elektrik Malaysia masih kekal walaupun terdapat perubahan permintaan mengikut segmen akibat penularan wabak COVID-19 dan dasar kerajaan pada tahun 2020. Segmen perindustrian menggunakan 45.0 peratus tenaga elektrik dan diikuti segmen komersial (28.6%) dan domestik (24.7%).

Di peringkat negeri, pola penggunaan elektrik enam (6) negeri berubah pada tahun 2020, iaitu negeri Kedah, Melaka, Negeri Sembilan, Perak, Perlis dan Sarawak. Perubahan struktur tersebut adalah didorong oleh peningkatan dalam segmen Kediaman.

Jadual 1b: Sumbangan Penggunaan Elektrik (%) Sektor Perindustrian, Perniagaan dan Domestik, 2019 dan 2020

| Negeri | 2019 | | | 2020 | | |
|-------------------|---------------|------------|----------|---------------|------------|----------|
| | Perindustrian | Perniagaan | Kediaman | Perindustrian | Perniagaan | Kediaman |
| Johor | 45.4 | 30.8 | 21.5 | 44.9 | 28.7 | 24.0 |
| Kedah | 35.6 | 29.9 | 31.6 | 33.8 | 26.5 | 36.8 |
| Kelantan | 15.7 | 36.6 | 43.7 | 15.0 | 32.8 | 48.2 |
| Melaka | 47.9 | 26.7 | 21.7 | 47.4 | 24.1 | 24.7 |
| Negeri Sembilan | 54.8 | 21.8 | 20.3 | 53.6 | 19.9 | 23.3 |
| Pahang | 40.3 | 32.9 | 22.6 | 38.5 | 31.2 | 26.8 |
| Pulau Pinang | 57.1 | 24.9 | 17.2 | 55.9 | 23.2 | 20.0 |
| Perak | 45.5 | 25.5 | 25.3 | 44.0 | 23.8 | 28.6 |
| Perlis | 33.4 | 33.4 | 30.2 | 32.0 | 30.3 | 35.0 |
| Selangor | 44.3 | 32.6 | 22.0 | 43.1 | 29.8 | 25.9 |
| Terengganu | 43.1 | 26.1 | 27.0 | 38.7 | 25.1 | 32.0 |
| Sabah* | 20.6 | 44.6 | 33.4 | 19.6 | 40.7 | 38.2 |
| Sarawak | 79.3 | 10.9 | 9.4 | 78.4 | 10.5 | 10.7 |
| W.P. Kuala Lumpur | 6.6 | 64.6 | 28.1 | 6.5 | 60.1 | 32.7 |
| W.P. Putrajaya | 0.7 | 82.2 | 15.2 | 0.9 | 78.9 | 18.4 |
| Malaysia | 45.9 | 31.0 | 21.4 | 45.0 | 28.6 | 24.7 |

Sumber: Tenaga Nasional Berhad (TNB), Sarawak Energy Berhad (SEB) dan Sabah Energy Sdn. Bhd. (SESB)

Nota:

* termasuk W.P. Labuan

PROSPEK PENGGUNAAN TENAGA ELEKTRIK

Secara keseluruhannya, penggunaan tenaga elektrik yang rendah pada tahun 2020 adalah dipengaruhi oleh faktor sekatan pergerakan dalam usaha membendung penularan wabak COVID-19. Pemvaksinan menyeluruhan populasi Malaysia dan pembukaan semula aktiviti ekonomi dijangka akan membantu pemuliharan ekonomi dan menggalakkan permintaan tenaga elektrik pada tahun-tahun akan yang mendatang.

Industri elektrik kembali pulih mulai tahun 2021, diterajui permintaan yang lebih tinggi dalam sektor perindustrian, perniagaan dan kediaman. Tenaga boleh diperbaharui seperti solar dijangka terus berkembang selaras dalam matlamat pembangunan mampan dan usaha mempelbagaikan sumber bekalan tenaga elektrik.

RUJUKAN

Suruhanjaya Tenaga. (2021). Malaysia Energy Handbook 2020. WP Putrajaya: Suruhanjaya Tenaga.

Sustainable Energy Development Authority Malaysia. (2021). RE Generation. Diperolehi dari Laman Sesawang Sustainable Energy Development Authority Malaysia: <https://www.seda.gov.my/ms/statistik-pengawasan/penjanaan-tbb/>

Tenaga Nasional Berhad (TNB). (2021). The Story of Electricity. Diperolehi dari Laman Sesawang Tenaga Nasional Berhad: <https://www.tnb.com.my/abouttnb/history>


The Borneo Post. (2016). Ongkili: Malaysia's power trading moves a step forward. The Borneo Post Online. Diperolehi dari <http://www.theborneopost.com/2016/05/12/ongkili-malaysias-power-trading-moves-a-step-forward/>

PRESTASI SEKTORAL

Kelapa Sawit

Pengeluaran buah tandan segar pada Januari 2022 menurun sebanyak 11.2 peratus kepada 6,419,064 tan metrik berbanding Disember 2021 (7,225,956 tan metrik) seperti ditunjukkan di **Carta 6**. Walau bagaimanapun, perbandingan tahun ke tahun menunjukkan peningkatan sebanyak 6.9 peratus berbanding Januari 2021 (6,006,068 tan metrik).

Carta 6: Pengeluaran Buah Tandan Segar, Disember 2020 - Januari 2022



Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia

Secara bulanan, purata penghasilan buah tandan segar pada Januari 2022 menurun kepada 1.10 tan metrik/ha berbanding Disember 2021 (1.26 tan metrik/ha) seperti ditunjukkan di **Jadual 3**. Purata pengeluaran hasil buah tandan segar di Semenanjung Malaysia menurun sebanyak 12.9 peratus kepada 1.08 tan metrik/ha (Disember 2021: 1.24 tan metrik/ha), manakala Sabah/Sarawak menurun sebanyak 12.6 peratus kepada 1.11 tan metrik/ha (Disember 2021: 1.27 tan metrik/ha).


**Jadual 3: Purata Penghasilan Buah Tandan Segar Mengikut Kawasan, Januari 2021 - Januari 2022
(Tan Metrik/Ha)**

| Kawasan | 2021 | | | | | | | | | | | | 2022 |
|----------------------|-------------|-------------|-------------|-------------|-------------|-------------|-------------|-------------|-------------|-------------|-------------|-------------|-------------|
| | Jan | Feb | Mac | Apr | Mei | Jun | Jul | Ogos | Sept | Okt | Nov | Dis | Jan |
| Malaysia | 1.03 | 0.97 | 1.20 | 1.28 | 1.33 | 1.35 | 1.30 | 1.44 | 1.45 | 1.46 | 1.41 | 1.26 | 1.10 |
| Semenanjung Malaysia | 1.02 | 1.04 | 1.33 | 1.40 | 1.40 | 1.41 | 1.42 | 1.55 | 1.48 | 1.51 | 1.44 | 1.24 | 1.08 |
| Sabah/ Sarawak | 1.04 | 0.91 | 1.10 | 1.19 | 1.27 | 1.29 | 1.20 | 1.35 | 1.42 | 1.41 | 1.38 | 1.27 | 1.11 |

Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia

Tuaian buah tandan segar yang lebih rendah mengakibatkan penurunan pengeluaran minyak sawit. Merujuk kepada **Carta 7**, pengeluaran minyak sawit mentah dan isirung sawit masing-masing menurun sebanyak 13.5 peratus (Januari 2022:1,253,442 tan metrik, Disember 2021:1,449,719 tan metrik) dan 11.8 peratus (Januari 2022: 309,120 tan metrik, Disember 2021: 350,493 tan metrik). Pengeluaran bagi kedua-dua minyak isirung sawit mentah dan dedak isirung sawit masing-masing turut menyusut sebanyak 9.1 peratus (Januari 2022: 153,173 tan metrik, Disember 2021: 168,529 tan metrik) dan 7.1 peratus (Januari 2022: 174,810 tan metrik, Disember 2021: 188,196 tan metrik).

Carta 7: Pengeluaran mengikut Produk Utama Kelapa Sawit, Disember 2020 - Januari 2022



Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia

Eksport minyak sawit pada Januari 2022 menyusut sebanyak 18.7 peratus (1,157,976 tan metrik) berbanding 1,423,821 tan metrik pada bulan sebelumnya (**Carta 8**). Eksport tertinggi adalah ke India iaitu sebanyak 225,402 tan metrik dengan sumbangan 19.5 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport minyak sawit, diikuti Turkey (8.4%), China (6.5%), Egypt (5.4%) dan Viet Nam (5.1%).


Carta 8: Eksport Minyak Sawit, Disember 2020 - Januari 2022



Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia

Import bagi kedua-dua minyak sawit dan minyak isirung sawit juga merosot pada Januari 2022 dengan minyak sawit merekodkan penurunan sebanyak 31.3 peratus kepada 70,596 tan metrik (Disember 2021: 102,768 tan metrik) dan minyak isirung sawit menurun sebanyak 47.1 peratus kepada 17,841 tan metrik (Disember 2021: 33,745 tan metrik) seperti yang ditunjukkan pada **Carta 9**. Walau bagaimanapun, import minyak isirung sawit meningkat dengan ketara sebanyak 102.1 peratus kepada 2,338 tan metrik berbanding bulan sebelumnya (Disember 2021: 1,157 tan metrik).

Carta 9: Import Mengikut Produk Kelapa Sawit, Disember 2020 - Januari 2022




Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia

Getah

Pengeluaran getah asli menunjukkan peningkatan sebanyak 36.7 peratus pada Disember 2021 kepada 41,690 tan metrik berbanding 30,493 tan metrik yang direkodkan pada bulan sebelumnya. Pengeluaran tahunan pula mencatatkan penurunan sebanyak 16.3 peratus berbanding 49,825 tan metrik pada bulan yang sama tahun 2020 seperti ditunjukkan di **Carta 10**.

Carta 10: Pengeluaran Getah Asli, Januari 2020 - Disember 2021




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Sektor kebun kecil merupakan penyumbang utama kepada pengeluaran getah asli pada Disember 2021 iaitu 91.0 peratus (37,924 tan metrik) dan selebihnya adalah dari sektor estet iaitu 9.0 peratus (3,765 tan metrik). Perbandingan bulan ke bulan bagi pengeluaran di kedua-dua sektor ini masing-masing menunjukkan penurunan sebanyak 14.7 peratus dan 29.9 peratus.

Berdasarkan kepada analisis harga purata bulanan, Lateks Pekat merekodkan penurunan 2.6 peratus (Disember 2021: 539.45 sen sekilogram, November 2021: 553.64 sen sekilogram) dan Sekerap 0.3 peratus (Disember 2021: 584.07 sen sekilogram, November 2021: 586.10 sen sekilogram). Keadaan yang sama turut berlaku kepada semua jenis Getah Mutu Malaysia (G.M.M) yang menurun antara 1.2 hingga 2.5 peratus. Perubahan harga di peringkat global seperti yang dilaporkan oleh *World Bank Commodity Price Data* turut menunjukkan harga bagi getah jenis TSR 20 (*Technically Specified Rubber*) dan SGP/MYS (Singapura/ Malaysia) masing-masing menurun 1.3 peratus (daripada USD1.74/kg kepada USD1.72/kg) dan 0.4 peratus (daripada USD1.93/kg kepada USD1.92/kg).


Carta 11: Harga Purata Bulanan Bagi Getah Asli, Disember 2020 dan November - Disember 2021



Sumber: Lembaga Getah Malaysia

Jumlah stok getah asli meningkat sebanyak 5.9 peratus pada Disember 2021 kepada 285,208 tan metrik berbanding 269,421 tan metrik pada bulan sebelumnya seperti yang ditunjukkan di **Carta 12**. Sementara itu, penggunaan domestik pula menunjukkan penurunan 1.6 peratus kepada 42,637 tan metrik berbanding 43,317 tan metrik pada November 2021.

Carta 12: Stok Getah Asli, Januari 2020 – Disember 2021



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Eksport getah asli Malaysia berjumlah 45,982 tan metrik pada Disember 2021, jatuh sebanyak 24.5 peratus berbanding November 2021 (60,942 tan metrik). China terus mendominasi sebagai pengimpor tertinggi getah asli iaitu 41.5 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport diikuti dengan Finland (10.7%), Turkey (3.2%), Pakistan (4.2%) dan Germany (2.5%).

Sarung tangan getah merupakan eksport utama bagi produk berasaskan getah dengan nilai sebanyak RM2.3 bilion pada Disember 2021, penurunan sebanyak 6.5 peratus berbanding November 2021 (RM2.5 bilion). Negara eksport utama sarung tangan getah ialah United States dengan nilai RM837.9 juta, Jerman (RM167.0 juta) dan China (RM108.4 juta) seperti yang dipaparkan di **Jadual 4**.

Jadual 4: 10 Negara Eksport Tertinggi Sarung Getah, November dan Disember 2021

| Negara | Kuantiti (Tan metrik) | | Nilai (RM juta) | |
|----------------|-----------------------|---------------|-----------------|---------------|
| | November 2021 | Disember 2021 | November 2021 | Disember 2021 |
| United States | 22,481 | 22,263 | 921.6 | 837.9 |
| Germany | 3,811 | 5,065 | 138.1 | 167.0 |
| China | 5,328 | 5,043 | 115.0 | 108.4 |
| Turkey | 3,699 | 3,586 | 77.5 | 70.1 |
| United Kingdom | 3,200 | 3,328 | 144.3 | 117.7 |
| India | 1,690 | 2,837 | 36.4 | 51.1 |
| Japan | 2,813 | 2,813 | 127.7 | 113.6 |
| Australia | 1,252 | 1,902 | 50.3 | 67.7 |
| Brazil | 2,672 | 1,897 | 62.3 | 40.7 |
| Italy | 1,652 | 1,862 | 50.9 | 50.8 |


Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP)

Sektor Pembuatan masih mengekalkan momentum pertumbuhan yang kukuh pada Disember 2021 berikutan permintaan yang menggalakkan daripada sektor luaran terutamanya dari rakan dagang utama Malaysia seperti USA, China dan Singapore. Walaupun bencana banjir telah memberi kesan buruk kepada beberapa buah negeri, namun kesan terhadap pengeluaran dilihat amat minima terutamanya kepada prestasi sektor Pembuatan.

Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP) pada bulan Disember 2021 meningkat 5.8 peratus berbanding bulan yang sama pada tahun sebelumnya (**Carta 13**). Pengembangan IPP ini disumbangkan oleh kenaikan 8.4 peratus dalam indeks Pembuatan dan 3.7 peratus dalam indeks Elektrik. Sementara itu, indeks Perlombongan mencatatkan kemerosotan 2.5 peratus.

Carta 13: Indeks Pengeluaran Perindustrian (Tahun ke Tahun), Disember 2020 – Disember 2021



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia


Sektor Pembuatan yang merupakan komponen terbesar bagi IPP mencatatkan pertumbuhan 8.4 peratus pada Disember 2021. Output berorientasikan eksport dan domestik masing-masing merekodkan pertumbuhan sebanyak 9.6 peratus (November 2021: 12.5%) dan 5.7 peratus (November 2021: 8.8%) berbanding tempoh yang sama pada tahun sebelumnya. Penyumbang terbesar kepada output berorientasikan eksport adalah pembuatan komputer, produk elektronik & optikal, 19.0 peratus (November 2021: 17.9%), diikuti oleh pembuatan minyak & lemak daripada sayuran & haiwan, 13.2 peratus (November 2021: 10.7%) dan pembuatan kimia & produk kimia, 10.3 peratus (November 2021: 9.9%). Sementara itu, pertumbuhan industri berdasarkan domestik disumbangkan oleh pembuatan produk makanan, 9.2 peratus (November 2021: 15.7%), diikuti pembuatan logam asas, 7.5 peratus (November 2021: 6.3%) dan pembuatan produk logam yang direka, kecuali mesin & kelengkapan, 6.1 peratus (November 2021: 11.8%).

IPP bagi beberapa negara rakan dagang utama Malaysia menunjukkan pertumbuhan positif pada Disember 2021 seperti Singapore, 15.6 peratus (November 2021: 14.1%), South Korea, 6.2 peratus (November 2021: 6.3%), China, 4.3 peratus (November 2021: 3.8%), USA, 3.7 peratus (November 2021: 5.0%) dan Japan, 2.7 peratus (November 2021: 5.1%).

Output sektor Perlombongan merosot 2.5 peratus pada bulan Disember 2021 berbanding bulan yang sama pada tahun sebelumnya. Penurunan tersebut disebabkan oleh kejatuhan dalam indeks Minyak Mentah dan Kondensat (-5.5%) dan indeks Gas Asli (-0.2%).

IPP bagi suku tahun keempat 2021 berkembang 6.9 peratus berbanding tempoh yang sama tahun sebelumnya (**Carta 14**). Peningkatan ini dipengaruhi oleh pertumbuhan dalam indeks Pembuatan (9.2%) dan indeks Elektrik (4.3%). Sementara itu, indeks Perlombongan menguncup 0.8 peratus.

Carta 14: Indeks Pengeluaran Perindustrian (Tahun ke Tahun), ST1 2020 - ST4 2021



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia


Pada tahun 2021, IPP merekodkan pengembangan 7.4 peratus berbanding tahun 2020. Peningkatan tersebut dipengaruhi oleh kenaikan dalam kesemua komponen; indeks Pembuatan (9.5%), indeks Elektrik (2.3%) dan indeks Perlombongan (1.5%).

Pembuatan

Nilai jualan sektor Pembuatan Malaysia pada Disember 2021 berjumlah RM143.9 bilion, mencatatkan pertumbuhan yang lebih tinggi iaitu 15.5 peratus (November 2021: 18.8%) berbanding bulan yang sama pada tahun 2020 (**Carta 15**). Pertumbuhan nilai jualan dipacu oleh Produk petroleum, kimia, getah & plastik (19.9%), Produk makanan, minuman & tembakau (19.0%) dan Produk elektrik & elektronik (18.4%).

Selain itu, eksport Malaysia pada bulan Disember 2021 tumbuh 29.2 peratus berbanding bulan yang sama pada tahun sebelumnya untuk mencapai RM123.9 bilion. Eksport ke pasaran utama China, Singapore dan USA masing-masing merekodkan pertumbuhan dua digit iaitu 28.8 peratus (RM20.1 bilion), 21.8 peratus (RM16.8 bilion) dan 33.4 peratus (RM14.3 bilion). Eksport barang perkilangan merekodkan paras melebihi RM100 bilion buat pertama kali pada Disember 2021 iaitu RM105.3 bilion dengan pertumbuhan 28.4 peratus berbanding bulan yang sama tahun 2020.

Carta 15: Nilai Jualan Sektor Pembuatan, Disember 2020 – Disember 2021




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia



Berdasarkan Survei Pembuatan Bulanan, jumlah pekerja dalam sektor Pembuatan pada Disember 2021 adalah seramai 2.26 juta orang, bertambah 2.7 peratus berbanding 2.20 juta orang pada Disember 2020. Peningkatan jumlah pekerja terutamanya disokong oleh subsektor Elektrik & elektronik (5.3%), Kayu, perabot, produk kertas & percetakan (3.4%) dan Makanan, minuman & tembakau (2.4%). Gaji & upah yang dibayar meningkat 4.9 peratus kepada RM8.1 bilion pada Disember 2021 berbanding bulan yang sama tahun 2020. Sementara itu, purata gaji & upah per pekerja meningkat 2.1 peratus kepada RM3,594 berbanding bulan yang sama pada tahun sebelumnya. Pada masa yang sama, nilai jualan per pekerja juga turut meningkat 12.4 peratus kepada RM63,688 (Disember 2020: RM56,644).

Pada suku tahun keempat 2021, nilai jualan merekodkan peningkatan 16.5 peratus (ST3 2021: 6.4%) kepada RM427.0 bilion berbanding tempoh yang sama tahun 2020 (**Carta 16**). Pertumbuhan ini dipacu oleh Produk petroleum, kimia, getah & plastik (25.2%), Produk elektrik & elektronik (17.7%) dan Produk makanan, minuman & tembakau (17.0%). Bilangan pekerja sepanjang tempoh tersebut bertambah 2.7 peratus (ST3 2021: 1.6%) kepada 2.26 juta orang manakala gaji & upah dibayar meningkat sebanyak 4.7 peratus (ST3 2021: 2.3%) kepada RM23.2 bilion. Nilai jualan per pekerja pada tempoh rujukan meningkat sebanyak 13.4 peratus (ST3 2021: 4.7%) kepada RM188,959.

Carta 16: Nilai Jualan Sektor Pembuatan, ST1 2019 - ST4 2021



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia


Pada tahun 2021, nilai jualan sektor Pembuatan bertumbuh 15.5 peratus kepada RM1,554.7 bilion berbanding tahun sebelumnya. Pertumbuhan nilai jualan disumbangkan terutamanya oleh Produk petroleum, kimia, getah & plastik (27.6%), Produk elektrik & elektronik (14.5%) dan Produk makanan, minuman & tembakau (12.7%). Bilangan pekerja dan gaji & upah masing-masing mencatatkan pertumbuhan sebanyak 2.7 peratus dan 3.0 peratus.

Pengeluaran pembuatan di Malaysia dijangka berkembang sederhana pada 2022 disokong oleh permintaan global untuk barang-barang perkilangan dan alat ganti dan komponen elektrik & elektronik serta peningkatan dalam aktiviti perbelanjaan domestik. Walau bagaimanapun, penularan varian Omicron yang lebih meluas dijangka akan menjelaskan pengilang di seluruh dunia dan mempengaruhi permintaan serta menyebabkan kelewatan dan gangguan kepada rantai bekalan.

Perdagangan Borong & Runcit

Sebagai sektor yang terus dominan dalam ekonomi Malaysia, hasil dalam sektor Perkhidmatan pada suku tahun keempat 2021 merekodkan RM460.00 bilion, meningkat 5.3 peratus berbanding negatif 4.9 peratus pada suku yang sama tahun 2020. Indeks Volum Perkhidmatan juga meningkat 3.0 peratus kepada 127.7 mata daripada 124.0 mata pada suku tahun keempat 2020 (**Carta 17**).

Carta 17: Hasil dan Indeks Volum Sektor Perkhidmatan, ST1 2018 - ST4 2021 dan 2016 - 2021 (Tahun ke Tahun)




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Berbanding suku tahun sebelumnya, jumlah hasil sektor Perkhidmatan pada suku tahun keempat 2021 turut melonjak sebanyak 17.7 peratus, dengan peningkatan sebanyak RM69.0 bilion. Ini merupakan pertumbuhan suku ke suku tertinggi sejak suku tahun ketiga 2020, terutamanya disebabkan oleh kenaikan dalam subsektor Perdagangan Borong & Runcit dan Pengangkutan & Penyimpanan, yang masing-masing meningkat 17.8 peratus dan 26.3 peratus. Indeks Volum Perkhidmatan juga mencatatkan peningkatan sebanyak 12.0 peratus.

Melihat kepada subsektor secara khusus, kebanyakannya menggambarkan trend pemuliharan yang positif. Segmen Perdagangan Borong & Runcit, Makanan & Minuman dan Penginapan merekodkan pengembangan sebanyak 5.1 peratus (RM370.1 bilion) dalam jumlah hasil berbanding suku tahun yang sama tahun lepas (**Paparan 1**), manakala Indeks Volum mencatatkan peningkatan 2.2 peratus (ST4 2021) daripada negatif 7.0 peratus (ST4 2020) untuk merekodkan 128.4 mata (**Paparan 2**).


Paparan 1: Hasil Sektor Perkhidmatan mengikut Segmen, ST4 2021 (Tahun ke Tahun)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

PERKHIDMATAN

Paparan 2: Indeks Volum Perkhidmatan (2015=100) mengikut Segmen, ST4 2021 (Tahun ke Tahun)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Subsektor Perdagangan Borong dan Runcit merekodkan RM354.3 bilion pada suku tahun keempat 2021 dengan pertumbuhan 5.1 peratus tahun ke tahun. Nilai jualan bagi Kenderaan Bermotor menunjukkan trend pemulihan dengan positif 5.3 peratus berbanding negatif 54.8 peratus pada suku tahun ketiga 2021, disumbangkan oleh peningkatan dalam Jualan Kenderaan Bermotor (7.9%) dan Jualan, Penyelenggaraan & Pembaikan Motosikal (5.4%). Sementara itu, nilai jualan bagi aktiviti Perdagangan Borong meningkat 5.1 peratus kepada RM169.7 bilion berbanding negatif 0.1 peratus pada suku tahun ketiga 2021, disumbangkan terutamanya oleh Jualan Borong Bahan Bahan Mentah Pertanian & Haiwan Hidup (14.4%) dan Jualan Borong Makanan, Minuman & Tembakau (9.9%). Bagi aktiviti Perdagangan Runcit, nilai jualan meningkat sebanyak 5.0 peratus kepada RM142.6 bilion berbanding negatif 5.5 peratus pada suku tahun ketiga 2021, dipacu oleh Jualan Runcit Bukan di Kedai, Gerai atau Pasar (27.7%), Jualan Runcit di Kedai Khusus yang menjual Bahan Api Kenderaan (14.0%) dan Jualan Runcit di Gerai & Pasar (10.5%).

Sebaliknya, subsektor Makanan dan Minuman juga merekodkan trend pemulihan dengan positif 1.1 peratus (RM13.9 bilion) dalam hasil berbanding negatif 30.6 peratus (RM13.8 bilion) pada suku tahun sama tahun lepas. Indeks Volum juga merekodkan trend yang lebih baik iaitu positif 2.2 peratus untuk merekodkan 108.7 mata berbanding negatif 29.1 peratus pada suku yang sama tahun sebelumnya. Ini disokong oleh restoran, kedai makan dan gerai penjaja yang dibenarkan untuk beroperasi sehingga tengah malam. Di samping itu, kebenaran untuk menganjurkan acara sosial dan perhimpunan telah bermula pada 22 Oktober 2021 dengan kapasiti 50 peratus di premis.

Subsektor lain yang merupakan salah satu yang paling terjejas semasa pandemik ialah subsektor Penginapan. Dalam subsektor ini, hasil meningkat 52.0 peratus untuk mencatatkan nilai RM1.8 bilion berbanding RM1.2 bilion pada suku tahun yang sama tahun sebelumnya. Indeks Volum merekodkan peningkatan daripada negatif 60.9 peratus (ST4 2020) kepada 46.6 peratus (ST4 2021).

Segmen Maklumat & Komunikasi dan Pengangkutan & Penyimpanan menunjukkan peningkatan sebanyak 8.2 peratus untuk mencatatkan RM67.0 bilion berbanding RM61.9 bilion pada suku tahun sama tahun sebelumnya. Indeks Volum bagi segmen ini mencatatkan peningkatan kepada 9.4 peratus daripada negatif 5.6 peratus (ST4 2020). Pertambahan hasil dalam segmen ini disumbangkan oleh subsektor Pengangkutan & Penyimpanan yang merekodkan 16.3 peratus (ST4 2021) daripada negatif 29.0 peratus (ST4 2020). Subsektor Maklumat & Komunikasi merekodkan kejatuhan daripada 6.2 peratus kepada 3.4 peratus pada suku tahun ini. Indeks Volum bagi kedua-dua subsektor ini masing-masing mencatatkan peningkatan sebanyak 12.3 peratus dan 8.0 peratus.


Segmen Kesihatan Swasta, Pendidikan Swasta dan Kesenian, Hiburan & Rekreasi juga mengalami peningkatan pada suku tahun ini dengan merekodkan nilai hasil RM14.3 bilion (6.5%) berbanding RM13.4 bilion (-23.0%) pada suku tahun yang sama tahun sebelumnya. Pertumbuhan dalam segmen ini adalah disebabkan oleh subsektor Kesenian, Hiburan & Rekreasi yang merekodkan daripada negatif 49.5 peratus (ST4 2020) kepada 5.6 peratus (ST4 2021). Indeks Volum subsektor ini juga menunjukkan peningkatan daripada negatif 47.4 peratus (ST4 2020) kepada 5.0 peratus.

Subsektor Pendidikan Swasta, sebaliknya mencatatkan trend pemulihan daripada negatif 9.2 peratus kepada 1.0 peratus pada suku tahun keempat 2021 dengan Indeks Volum negatif 5.8 peratus (ST4 2020: -11.0%). Bagi subsektor Kesihatan pula, hasil meningkat kepada 11.8 peratus (ST4 2020: -1.1%) dengan Indeks Volum juga meningkat 9.5 peratus berbanding negatif 4.7 peratus.

Hasil bagi segmen Profesional dan Ejen Hartanah mencatatkan penyusutan sebanyak 6.9 peratus berbanding negatif 10.8 peratus tahun ke tahun. Subsektor Profesional menyusut 6.5 peratus serta Indeks Volum berkurang sebanyak 6.5 peratus. Sementara itu, subsektor Ejen Hartanah masing-masing merekodkan penyusutan hasil dan Indeks Volum sebanyak 13.3 peratus dan 13.4 peratus.

Untuk menganalisis trend pemulihan, indikator dibandingkan dengan tahap 2019. Secara khusus, hasil sektor Perkhidmatan bagi suku tahun keempat 2021 adalah RM460.0 bilion, yang melebihi hasil pada suku tahun keempat 2019 (pra-pandemik COVID-19) sebanyak 0.2 peratus (ST4 2019: RM459.2 bilion). Subsektor yang telah melepas prestasi pra-pandemik ialah Perdagangan Borong & Runcit dengan 4.6 peratus, Maklumat dan Komunikasi 9.8 peratus dan Kesihatan Swasta 10.6 peratus (**Carta 18**).

Carta 18: Prestasi Sektor Perkhidmatan (dalam Mata Indeks), ST4 2021 berbanding ST4 2019 (Pra-pandemik)




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Nota:

1. Tahun 2019 digunakan sebagai rujukan yang merujuk kepada tempoh pra-pandemik yang bersamaan dengan 100.0
2. Indeks di atas 100.0 bermakna prestasi subsektor adalah lebih baik berbanding tahun 2019
3. Indeks di bawah 100.0 bermakna prestasi subsektor lemah berbanding 2019

Hasil tahunan sektor Perkhidmatan 2021 yang merekodkan RM1.7 trillion masih belum melepas hasil tahun 2019 (RM1.8 trillion). Walau bagaimanapun, subsektor Maklumat dan Komunikasi dan Kesihatan Swasta telah melepas hasil pra-pandemik 2019 dengan masing-masing mencatatkan 10.5 peratus dan 6.0 peratus (**Carta 19**). Ini mungkin berlaku disebabkan oleh keadaan semasa wabak, khususnya keperluan kesihatan penduduk, serta penggunaan platform digital oleh perniagaan dalam meneruskan operasi mereka bagi mematuhi keperluan penjarakan fizikal.

Carta 19: Prestasi Sektor Perkhidmatan (dalam Mata Indeks), 2021 berbanding 2019 (Pra-pandemik)




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Nota:

1. Tahun 2019 digunakan sebagai rujukan yang merujuk kepada tempoh pra-pandemik yang bersamaan dengan 100.0
2. Indeks di atas 100.0 bermakna prestasi subsektor adalah lebih baik berbanding tahun 2019
3. Indeks di bawah 100.0 bermakna prestasi subsektor lemah berbanding 2019

Pendapatan e-dagang Malaysia merekodkan RM290.3 bilion, peningkatan sebanyak 18.3 peratus tahun ke tahun pada suku tahun keempat 2021. Di samping itu, bagi perbandingan suku ke suku, pendapatan e-dagang meningkat 4.0 peratus. Pertumbuhan e-dagang ini didorong oleh sektor Pembuatan dan Perkhidmatan. Sejajar dengan pertumbuhan tersebut, prestasi keseluruhan pendapatan e-dagang pada tahun 2021 merekodkan RM1.1 trillion, peningkatan sebanyak 21.8 peratus berbanding 2020 (**Carta 20**).

Carta 20: Pendapatan E-dagang, ST1 2020 - ST4 2021 dan 2019 - 2021




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Dari segi pekerjaan, Perkhidmatan kekal sebagai sektor ekonomi yang dominan. Memandangkan wabak ini telah memberi kesan kepada interaksi peribadi secara keseluruhan dan seterusnya di kebanyakan subsektor dalam Perkhidmatan, perniagaan yang berkaitan akan menyusun semula operasi untuk mengekalkan sumber manusia pada tahap yang optimum. Bilangan pekerja yang terkibat dalam sektor ini ialah 3.7 juta orang, meningkat sebanyak 52,077 orang atau 1.4 peratus tahun ke tahun. Kenaikan ini disumbang oleh subsektor Perdagangan Borong & Runcit dengan peningkatan sebanyak 50,575 orang atau 2.7 peratus, diikuti oleh subsektor Pengangkutan & Penyimpanan, yang meningkat sebanyak 13,507 orang atau 4.2 peratus (**Paparan 3**).

Pada suku tahun ini, gaji dan upah yang dibayar juga mencatatkan peningkatan sebanyak RM303.7 juta atau 1.2 peratus tahun ke tahun. Peningkatan ini disumbang oleh subsektor Perdagangan Borong & Runcit yang naik 3.6 peratus untuk merekodkan RM13.3 bilion dan diikuti oleh subsektor Pengangkutan & Penyimpanan, yang meningkat 2.3 peratus kepada RM2.6 bilion.

Paparan 3: Bilangan Pekerja mengikut Segmen, ST4 2021 (Tahun ke Tahun)




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Imbangan Pembayaran

Ekonomi Malaysia pulih pada suku tahun keempat 2021, disokong oleh pembukaan penuh aktiviti perniagaan di mana semua negeri telah beralih ke fasa empat Pelan Pemulihan Nasional (PPN). Imbangan Akaun Semasa (CAB) Malaysia pada suku tahun ini mencatatkan lebih RM15.2 bilion, berbanding RM11.6 bilion pada suku tahun sebelumnya. Lebihan dalam CAB Malaysia pada suku tahun ini didorong oleh eksport bersih barang serta defisit yang lebih rendah dalam Pendapatan sekunder.

Akaun Barang pada suku tahun keempat 2021 merekodkan peningkatan dalam eksport bersih dengan RM51.8 bilion, tertinggi sejak suku tahun ketiga 2008 yang mencatatkan RM50.9 bilion. Eksport barang menyumbang 92.0 peratus daripada keseluruhan eksport Malaysia, yang berkembang pada kadar yang lebih laju kepada RM271.3 bilion daripada RM236.6 bilion pada suku tahun sebelumnya. Ini disebabkan eksport yang lebih tinggi dalam produk berasaskan Elektrik & Elektronik (E&E), Minyak sawit dan Bahan Kimia, terutamanya ke China, Singapore dan United States. Sementara itu, import barang juga meningkat 12.3 peratus daripada suku tahun sebelumnya yang merekodkan RM219.5 bilion. Peningkatan import disumbangkan terutamanya oleh Barang Perantaraan, Modal dan Penggunaan, manakala import kebanyakannya diperoleh dari China, Singapore dan Taiwan.

Carta 21: Akaun Semasa, 2018 - 2021 dan ST1 2018 – ST4 2021



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Akaun perkhidmatan melebar untuk mencatat defisit lebih tinggi sebanyak RM15.5 bilion selepas mencatatkan defisit yang lebih rendah pada suku tahun ketiga. Peningkatan defisit ini disebabkan oleh peningkatan dalam kedua-dua eksport dan import Perkhidmatan yang masing-masing berjumlah RM23.6 bilion dan RM39.1 bilion. Defisit yang semakin melebar dalam Perkhidmatan kebanyakannya diterajui oleh defisit yang lebih tinggi dalam Pengangkutan yang disebabkan oleh peningkatan bagi import muatan, Telekomunikasi, komputer dan maklumat serta defisit berterusan dalam Perjalanan. Berikutan keputusan kerajaan untuk membuka semula aktiviti ekonomi terutamanya dalam Perjalanan dengan memperkenalkan program Gelembung Pelancongan Antarabangsa Langkawi (LITB) dan inisiatif penyambungan semula antara Malaysia dan Singapore melalui *Vaccinated Travel Lane (VTL)* kepada pelancong yang divaksin sepenuhnya telah menyumbang kepada peningkatan dalam perbelanjaan pelancongan *inbound* untuk merekodkan RM209.3 juta berbanding RM58.8 juta pada suku tahun sebelumnya. Namun begitu, Perjalanan masih mencatatkan defisit yang lebih tinggi sebanyak RM3.8 bilion, disebabkan daripada perbelanjaan pelancongan *outbound* yang melebihi perbelanjaan *inbound*.

Jadual 5: Ringkasan Imbangan Pembayaran

| Imbangan Akaun Semasa | ST4 2021 | ST3 2021 |
|-------------------------|-----------------------------|-----------------------------|
| | Lebihan RM15.2b | Lebihan 11.6b |
| Barangan | Lebihan RM51.8b | Lebihan RM41.2b |
| Perkhidmatan | Defisit RM15.5b | Defisit RM15.2b |
| Pendapatan Primer | Defisit RM19.7b | Defisit RM11.3b |
| Pendapatan Sekunder | Defisit RM1.4b | Defisit RM3.1b |
| Akaun Kewangan | Aliran Keluar Bersih RM2.2b | Aliran Masuk Bersih RM22.8b |
| Aset Rizab (pada akhir) | RM486.7b | RM482.5b |

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia


Dari segi Pendapatan, Pendapatan primer merekodkan defisit yang lebih tinggi sebanyak RM19.7 bilion berbanding RM11.3 bilion pada suku tahun sebelumnya (**Jadual 5**). Ini didorong oleh pendapatan lebih tinggi yang diperoleh oleh syarikat asing di Malaysia sebanyak RM57.1 bilion daripada RM29.2 bilion pada suku tahun sebelumnya khususnya bagi syarikat yang terlibat dalam sektor Pembuatan terutamanya dalam produk Elektrik dan Elektronik serta aktiviti Kewangan. Pendapatan yang diperoleh daripada syarikat-syarikat ini terutamanya disalurkan ke USA, Singapore dan Netherlands. Pada masa yang sama, trend peningkatan pendapatan turut dialami oleh syarikat Malaysia di luar negara, terutama sekali di Netherlands, Singapore dan Indonesia yang memperoleh pendapatan lebih tinggi pada RM37.4 bilion dalam suku tahun kali ini, disumbangkan oleh peningkatan yang signifikan dalam Pelaburan Langsung.

Sebaliknya, Pendapatan sekunder mencatatkan defisit yang lebih rendah sebanyak RM1.4 bilion berbanding RM3.1 bilion pada suku tahun sebelumnya. Akaun ini merekodkan penerimaan yang lebih tinggi sebanyak RM6.4 bilion daripada RM4.3 bilion pada suku tahun yang lepas, manakala bayaran meningkat kepada RM7.8 bilion daripada RM7.4 bilion, kedua-duanya disebabkan oleh kiriman wang pekerja asing.

Pelaburan

Pada suku tahun keempat 2021, Pelaburan Langsung Asing (FDI) terus mencatatkan aliran masuk bersih yang lebih tinggi sebanyak RM24.7 bilion, berkembang daripada RM12.8 bilion daripada suku tahun sebelumnya, terutamanya disumbangkan oleh pelaburan semula pendapatan yang lebih tinggi (**Carta 22**). Americas menjadi rantaui terbesar dengan aliran masuk sebanyak RM13.1 bilion, di mana pelaburan disalurkan secara signifikan ke USA (RM12.2 bilion). Ini diikuti oleh Asia yang bernilai RM7.0 bilion dan Eropah sebanyak RM4.6 bilion. Pembuatan kekal sebagai sektor penyumbang kepada jumlah aliran masuk sebanyak RM11.8 bilion, meningkat daripada RM3.9 bilion pada suku tahun yang lepas. Ini diikuti oleh sektor Perkhidmatan (RM10.3 bilion) terutamanya dalam aktiviti Kewangan, dan sektor Perlombongan & pengkuarian (RM2.3 bilion).


Carta 22: Pelaburan Langsung Asing (FDI) di Malaysia, 2018 – 2021 dan ST1 2018 – ST4 2021



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pada masa yang sama, Pelaburan Langsung Asing di Luar Negeri (DIA) oleh pelabur Malaysia berubah arah aliran untuk mencatatkan aliran keluar bersih sebanyak RM15.0 bilion berbanding aliran masuk bersih RM4.7 bilion pada suku tahun yang lepas, disumbangkan oleh Instrumen hutang (**Carta 23**). Europe merupakan rantau utama bagi aliran DIA dengan nilai sebanyak RM12.2 bilion, terutamanya disumbangkan oleh Netherlands dan Switzerland sebagai dua negara utama yang masing-masing mencatatkan aliran keluar sebanyak RM5.9 bilion dan RM5.2 bilion. Rantau utama yang lain adalah Asia pada RM2.9 bilion dan Americas pada RM0.4 bilion. Sektor Perkhidmatan merupakan penyumbang terbesar bagi aliran DIA Malaysia pada suku tahun kali ini sebanyak RM13.3 bilion, terutamanya dalam aktiviti Kewangan dan Pengangkutan. Ini diikuti oleh sektor Pembinaan (RM0.9 bilion) dan Pembuatan (RM0.4 bilion).

Carta 23: Aliran Pelaburan Langsung di Luar Negeri (DIA) di Malaysia, ST1 2018 – ST4 2021



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Di sebalik ketidaktentuan ekonomi yang dihadapi negara sepanjang pandemik COVID-19 yang berpanjangan, imbangan pembayaran negara pada tahun 2021 kekal berdaya tahan di mana CAB secara berterusan mencatatkan lebihan sebanyak RM53.5 bilion. Lebihan ini mewakili sumbangan 3.6 peratus kepada Pendapatan Negara Kasar (GNI) yang melebihi unjuran awalan rasmi bagi tahun 2021 oleh Kementerian Kewangan (MOF) pada 1.3 peratus. Prestasi yang lebih baik sebahagian besarnya disokong oleh eksport bersih barang pada RM170.2 bilion di mana eksport barang merekodkan RM977.4 bilion terutamanya dalam produk berdasarkan E&E, Kimia dan Petroleum. Sementara itu, import barang mencatatkan RM807.2 bilion terutamanya dalam produk E&E. Destinasi utama untuk eksport dan import ialah China, Singapore dan Taiwan.

Walau bagaimanapun, Perkhidmatan mencatatkan defisit tertinggi sebanyak RM61.1 bilion pada 2021, kesan daripada defisit yang semakin melebar dalam Perjalanan iaitu RM14.6 bilion. Eksport Perjalanan menjunam sebanyak 96.8 peratus kepada RM0.4 bilion, apabila kerajaan mengambil langkah yang tidak dapat dielakkan bagi membendung peningkatan pesat kes jangkitan COVID-19 sepanjang bulan Januari hingga Oktober 2021 dengan melaksanakan penutupan sempadan bagi ketibaan pelancong antarabangsa. Begitu juga, Pengangkutan mencatatkan defisit yang lebih tinggi sebanyak RM32.5 bilion berbanding RM27.4 bilion pada tahun sebelumnya. Eksport dan import bagi komponen ini masing-masing meningkat kepada RM15.4 bilion dan RM47.9 bilion, sejajar dengan lonjakan dalam perdagangan Barang dan kos muatan yang lebih tinggi pada 2021.

Namun begitu, terdapat komponen Perkhidmatan yang bertambah baik pada tahun 2021 seperti Pembinaan di mana projek mega telah mula menunjukkan kemajuan dan; Perkhidmatan persendirian, kebudayaan dan rekreasi berikutnya galakan dalam aktiviti sukan atas talian.

Dari segi pendapatan, kedua-dua Pendapatan primer dan sekunder mencatatkan peningkatan defisit bagi tahun 2021. Pendapatan primer merekodkan deficit yang lebih tinggi sebanyak RM46.2 bilion berbanding RM28.6 bilion sementara Pendapatan sekunder mencatatkan deficit yang lebih tinggi sebanyak RM9.5 bilion berbanding RM2.7 bilion daripada tahun sebelumnya.

Bagi 2021, Akaun Kewangan berubah arah aliran kepada aliran masuk bersih sebanyak RM29.7 bilion berbanding aliran keluar bersih RM76.2 setahun yang lalu berikutan aliran masuk yang lebih tinggi dalam Pelaburan Langsung dan Pelaburan Portfolio. Ini dapat diperhatikan melalui pelaburan asing yang disalurkan ke Malaysia telah berkembang berbanding 2020 di mana syarikat asing menyumbang kepada aliran masuk yang lebih besar pada tahun ini dengan pendapatan dikekalkan di Malaysia merekodkan aliran masuk bersih yang lebih tinggi sebanyak RM32.9 bilion daripada RM2.8 bilion pada tahun yang sebelumnya. Tambahan pula, Pelaburan Portfolio berubah kepada aliran masuk bersih RM18.9 bilion daripada aliran keluar bersih RM48.2 bilion, sebahagian besarnya disebabkan oleh terbitan bon yang lebih tinggi kepada bukan residen.

Penyambungan semula aktiviti ekonomi pada 2021 telah menghasilkan aliran masuk yang lebih tinggi dalam FDI yang meningkat kepada aliran masuk bersih sebanyak RM54.9 bilion berbanding RM14.6 bilion pada tahun sebelumnya. Ini meningkatkan kedudukan FDI untuk melonjak sebanyak RM97.5 bilion untuk merekodkan RM796.3 bilion pada akhir tahun 2021. DIA merekodkan aliran keluar bersih yang lebih tinggi sebanyak RM22.1 bilion berbanding RM11.9 bilion sementara kedudukan DIA turut mengembang kepada RM556.7 bilion daripada RM537.7 bilion pada akhir tahun yang lalu.

Melangkah ke hadapan, CAB dijangka mengekalkan lebihan pada 2022 berdasarkan kepada Tinjauan Ekonomi 2022 oleh MOF telah mengunjurkan CAB Malaysia untuk merekodkan lebihan yang lebih tinggi pada RM55.6 bilion. Ini meramalkan permintaan serantau bagi barang import yang berkemungkinan meningkatkan prestasi perdagangan untuk meneruskan peningkatan dalam eksport barang, terutamanya dalam produk berasaskan E&E, Minyak sawit, Getah dan Bahan kimia. Akaun Perjalanan dijangka bertambah baik berikutan aktiviti Pelancongan akan diteruskan secara beransur-ansur dengan pelaksanaan inisiatif gelembung perjalanan pada 2022 seperti VTL dengan Brunei dan perjalanan rentas sempadan antara Malaysia dan Thailand yang sedang dalam perbincangan. Usaha kerajaan dengan pelancaran vaksinasi di bawah PPN ke arah populasi yang divaksin sepenuhnya dilihat telah berjaya. Tambahan pula, prestasi pelaburan Malaysia dijangka mengekalkan aliran masuk yang besar dalam FDI dengan pembuatan kekal sebagai sektor yang memberangsangkan untuk menarik pelabur asing ke negara ini. Ekonomi Malaysia sedang menuju ke arah pemulihan yang berdaya tahan dan semua aktiviti perniagaan sedang dijalankan untuk kembali secara beransur-ansur kepada keadaan normal sebelum pandemik.

Perdagangan Barang


Suku tahun terakhir 2021 menyaksikan pelbagai perkembangan positif dari segi pemuliharan kesihatan awam dan ekonomi negara. Malaysia mencapai sasaran 90 peratus populasi penduduk dewasa yang lengkap divaksinasi COVID-19 di seluruh negara pada 10 Oktober 2021, seterusnya keputusan larangan perjalanan rentas negeri ditarik balik. Pada masa yang sama, hampir kesemua negeri telah beralih ke fasa 4 Pelan Pemuliharan Negara (PPN), menyumbang kepada pembukaan sepenuhnya sektor ekonomi dan lebih banyak aktiviti sosial. Penambahbaikan ini adalah selari dengan situasi sektor luaran yang lebih baik pada suku tahun keempat (ST4) 2021. Perdagangan barang Malaysia mengekalkan trajektori positif yang mantap pada ST4 2021 dengan jumlah perdagangan meningkat 29.2 peratus kepada RM624.7 bilion berbanding RM483.4 bilion pada ST4 2020. Eksport melonjak 29.0 peratus kepada RM350.5 bilion, manakala import meningkat 29.6 peratus kepada RM274.3 bilion. Imbangan perdagangan merekodkan lebih RM76.2 bilion, meningkat 26.9 peratus berbanding tempoh yang sama tahun lalu. Berdasarkan suku tahun ke suku tahun, eksport, import, jumlah perdagangan dan lebihan perdagangan masing-masing meningkat 15.4 peratus, 13.1 peratus, 14.4 peratus dan 24.4 peratus. Secara bulanan, eksport meningkat pada Oktober (+25.5%), November (+32.4%) dan Disember (+29.2%) 2021 berbanding bulan yang sama 2020. Import juga menunjukkan arah aliran yang sama dengan pertumbuhan sebanyak 27.9 peratus, 37.9 peratus dan 23.6 peratus.

Selari dengan pertumbuhan yang lebih kukuh daripada jangkaan, perdagangan Malaysia memulih semula pada 2021, meningkat 24.8 peratus untuk mencecah paras RM2 trilion buat pertama kalinya dengan nilai RM2.2 trilion daripada RM1.8 trilion pada 2020. Eksport kembali pulih dengan pertumbuhan ketara 26.0 peratus untuk merekodkan nilai tertinggi sebanyak RM1.2 trilion, manakala import meningkat 23.3 peratus kepada RM987.2 bilion. Lebihan dagangan Malaysia meningkat 37.7 peratus daripada RM183.3 bilion pada tahun sebelumnya kepada RM252.6 bilion. Sebagai rekod, Kementerian Kewangan menerusi Tinjauan Ekonomi 2022 menjangkakan eksport dan import bagi tahun 2021 masing-masing meningkat 17.1 peratus dan 16.5 peratus.

Perkembangan eksport pada ST4 2021 didorong terutamanya oleh kenaikan eksport ke China (+RM10.9 bilion), diikuti oleh United States of America (USA) (+RM8.3 bilion), Singapore (+RM6.6 bilion), European Union (EU) (+RM5.7 bilion) dan Indonesia (+RM5.4 bilion). Sementara itu, China turut mendominasi sebagai penyumbang utama kepada peningkatan import (+RM13.4 bilion), diikuti oleh Singapore (+RM9.1 bilion), Taiwan (+RM6.7 bilion), Republic of Korea (+RM6.0 bilion) dan Indonesia (+RM5.9 bilion). China, Singapore, USA dan EU kekal sebagai rakan dagangan utama Malaysia pada ST4 2021 dengan jumlah sumbangan sebanyak 48.5 peratus (ST4 2020: 49.6%).

Eksport barang Malaysia mengekalkan momentum positif yang lebih kukuh pada suku tahun ini dengan peningkatan 29.0 peratus tahun ke tahun kepada RM350.5 bilion daripada RM271.8 bilion pada ST4 2020. Peningkatan ini dipacu oleh eksport Minyak kelapa sawit & hasil keluaran berdasarkan minyak sawit (+RM12.7 bilion, +59.2%) dan Keluaran petroleum bertapis (+RM12.1 bilion, +97.4%) seperti di **Carta 24**. Eksport Barang elektrik dan elektronik (E&E) kembali kepada aliran menaik 20.6 peratus tahun ke tahun kepada RM132.0 bilion daripada RM109.4 bilion. Sementara itu, eksport Sarung tangan getah jatuh buat pertama kalinya sejak kenaikan mendadak akibat penularan pandemik COVID-19 dengan penurunan RM6.0 bilion (-44.7%). Barang E&E, Minyak sawit & hasil keluaran berdasarkan minyak sawit dan Keluaran petroleum bertapis terus mendominasi eksport Malaysia pada ST4 2021 dengan jumlah sumbangan 54.4 peratus (ST4 2020: 52.7%).


**Carta 24: Prestasi Eksport Malaysia mengikut 10 Barang Utama dan Terpilih, ST4 2021
(Perubahan Peratusan Tahunan)**



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Import terus mengekalkan pertumbuhan dua digit pada ST4 2021, mencatatkan kenaikan 29.6 peratus kepada RM274.3 bilion berbanding RM211.7 bilion pada ST4 2020. Kenaikan import ditunjangi khususnya oleh import Barangan E&E (+RM23.7 bilion, +35.0%), Keluaran petroleum bertapis (+RM10.0 bilion, +71.7%) dan Keluaran besi gelek rata atau keluli (+RM2.2 bilion, +67.4%) seperti di **Carta 25**. Barangan E&E, Keluaran petroleum bertapis dan Keluaran besi gelek rata atau keluli merupakan penyumbang utama kepada import barang Malaysia pada ST4 2021 dengan sumbangan terkumpul 44.1 peratus (ST4 2020: 40.1%).


**Carta 25: Prestasi Import Malaysia mengikut 10 Barang Utama dan Terpilih, ST4 2021
(Perubahan Peratusan Tahunan)**



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Eksport dan import bagi rakan dagangan utama terus menunjukkan pertumbuhan positif pada ST4 2021 dalam trajektori dengan pemulihan ekonomi global seperti di **Carta 26**.

Carta 26: 10 Rakan Dagangan Utama Malaysia, ST4 2021 (Perubahan Peratusan Tahunan)



Sumber: Laman web rasmi agensi statistik negara terpilih


Statistik perdagangan antarabangsa mengikut negeri bagi ST4 2021 menunjukkan jumlah perdagangan meningkat tahun-ke-tahun RM141.3 bilion atau 29.2 peratus kepada RM624.7 bilion. Peningkatan jumlah perdagangan disumbangkan oleh prestasi yang memberangsangkan terutamanya Pulau Pinang yang meningkat sebanyak RM35.8 bilion (+26.1%), diikuti Selangor RM28.1 bilion (+25.7%), Johor RM23.3 bilion (+23.5%), Kedah RM12.3 bilion (+65.4%), Sarawak RM11.3 bilion (+51.7%), W.P. Kuala Lumpur RM9.0 bilion (+39.0%), Sabah RM4.9 bilion (+59.7%), Pahang RM4.6 bilion (+39.7%), Negeri Sembilan RM4.6 bilion (+40.1%), Terengganu RM2.5 bilion (+52.7%), Perak RM2.3 bilion (+13.7%), Melaka RM1.4 bilion (+9.3%), W.P. Labuan RM864.7 juta (+46.9%) dan Perlis RM66.5 juta (+14.1%). Walau bagaimanapun, perdagangan berkurangan di Kelantan RM222.9 juta (-12.4%) seperti ditunjukkan dalam **Paparan 4**.

Jumlah eksport meningkat RM78.7 bilion atau 29.0 peratus kepada RM350.5 bilion berbanding tempoh yang sama tahun lalu. Peningkatan didorong oleh eksport yang lebih tinggi terutamanya dari Pulau Pinang meningkat (+RM19.5 bilion), Selangor (+RM16.9 bilion), Johor (+RM12.2 bilion), Sarawak (+RM9.1 bilion), Kedah (+RM5.1 bilion), Sabah (+RM4.3 bilion), Pahang (+RM3.3 bilion), W.P. Kuala Lumpur (+RM3.1 bilion), Melaka (+RM2.1 bilion), Terengganu (+RM1.8 bilion), W.P. Labuan (+RM725.4 juta), Perak (+RM643.6 juta), Negeri Sembilan (+RM508.8 juta) dan Perlis (+RM16.6 juta). Walau bagaimanapun, eksport menyusut di Kelantan (-RM157.1 juta).

Pada masa yang sama, import meningkat sebanyak RM62.6 bilion atau 29.6 peratus kepada RM274.3 bilion. Prestasi yang bertambah baik itu disebabkan oleh import dari Pulau Pinang (+RM16.3 bilion), Selangor (+RM11.2 bilion), Johor (+RM11.1 bilion), Kedah (+RM7.2 bilion), W.P. Kuala Lumpur (+RM5.9 bilion), Negeri Sembilan (+RM4.1 bilion), Sarawak (+RM2.1 bilion), Perak (+RM1.6 bilion), Pahang (+RM1.3 bilion), Sabah (+RM636.0 juta), Terengganu (+RM629.4 juta), W.P. Labuan (+RM139.4 juta) dan Perlis (+RM50.0 juta). Walau bagaimanapun, import menyusut di Melaka (-RM758.3 juta) dan Kelantan (-RM65.9 juta).

Lima negeri kekal mendominasi eksport negara, menyumbang 80 peratus daripada jumlah eksport. Pulau Pinang kekal sebagai pengeksport teratas dengan sumbangan 30.5 peratus, diikuti oleh Johor (19.6%), Selangor (18.7%), Sarawak (7.4%) dan Kedah (3.7%). Sementara itu, bagi import, Selangor kekal sebagai penyumbang utama dengan 26.1 peratus, diikuti oleh Pulau Pinang (24.0%), Johor (19.4%), W.P. Kuala Lumpur (7.4%) dan Kedah (6.7%).

Paparan 4: Eksport dan Import mengikut Negeri, ST4 2020 dan ST4 2021



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Nota:

1. Aktiviti eksport dan import yang berlaku di kawasan Supra (merangkumi aktiviti pengeluaran yang melangkaui pusat kepentingan ekonomi utama bagi mana-mana negeri) atau perikraran yang dilakukan oleh ejen penghantar tidak termasuk dalam infografik ini.
2. Nilai eksport dan import bagi W.P. Kuala Lumpur termasuk W.P. Putrajaya.

Melangkah ke tahun baharu, jumlah perdagangan Malaysia mengekalkan momentum dua digit pada Januari 2022, berkembang 24.8 peratus kepada RM203.0 bilion daripada RM162.6 bilion pada Januari 2021. Eksport bertambah 23.5 peratus kepada RM110.7 bilion, manakala Import melonjak 26.4 peratus kepada RM92.3 bilion. Lebihan dalam imbalan dagangan kekal pada RM18.4 bilion, meningkat 10.9 peratus daripada tahun sebelumnya. Berbanding Disember 2021, eksport, import, jumlah perdagangan dan lebihan perdagangan masing-masing menurun sebanyak 10.6 peratus, 0.6 peratus, 6.3 peratus dan 40.6 peratus. Tinjauan Ekonomi 2022 oleh Kementerian Kewangan mengunjurkan perdagangan barang Malaysia kekal positif pada 2022 pada kadar yang lebih perlahan dengan eksport diunjur berkembang sebanyak 1.5 peratus dan import sebanyak 1.7 peratus.

Senario Buruh

Ekonomi dan pasaran buruh Malaysia serta semua negara lain telah terjejas oleh pandemik COVID-19 sejak pertama kali ia muncul pada 2019. Melihat kepada krisis kesihatan semasa di Malaysia, selepas dua tahun memerangi COVID-19 dan hidup dalam norma baharu, Kerajaan telah memperkenalkan strategi bersasar yang dinamakan Pelan Pemulihan Negara (PPN) pada Jun 2021. Plan ini meliputi empat fasa yang dikuatkuasakan mengikut bilangan kes harian COVID-19, kadar vaksinasi dan bilangan pesakit COVID-19 yang dimasukkan ke Unit Rawatan Rapi (ICU). Oleh itu, sepanjang suku tahun terakhir 2021, majoriti negeri telah berada dalam Fasa 4 PPN di mana kadar populasi dewasa yang telah lengkap divaksin di Malaysia mencapai kira-kira 97.6 peratus.

Pada suku tahun ini, ekonomi negeri-negeri yang berada dalam Fasa 4 PPN dilihat bertambah baik secara beransur-ansur memandangkan lebih banyak aktiviti perniagaan dan sosial dibenarkan untuk beroperasi dengan waktu operasi yang lebih panjang. Ini termasuk Industri Kreatif serta kedua-dua pelancongan domestik & luar negara bagi individu yang telah lengkap divaksin. Aktiviti lain yang dibenarkan beroperasi dengan mematuhi prosedur operasi standard (SOP) termasuklah aktiviti keagamaan, sukan terbuka (*outdoor*), rekreasi dan sosial. Selain itu, semua sekolah dan institusi pendidikan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan institusi pendidikan berdaftar telah dibuka semula mengikut undang-undang dan peraturan KPM.


Maka, dengan tanda-tanda pemulihan yang positif, pasaran buruh dilihat pulih sederhana dengan pertumbuhan positif guna tenaga dan kadar pengangguran yang menurun dijangka berterusan pada suku tahun ini. Keadaan ini merangsang permintaan buruh sekaligus mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan.

Penawaran Buruh

Pada suku tahun keempat 2021, penduduk bekerja mencatatkan 15.44 juta orang, meningkat 1.8 peratus atau bersamaan dengan 279.0 ribu orang berbanding suku yang sama tahun sebelumnya (ST4 2020: 15.16 juta orang). Sementara itu, keupayaan ekonomi untuk mewujudkan guna tenaga yang ditunjukkan oleh nisbah guna tenaga kepada penduduk meningkat 0.5 mata peratus tahun ke tahun, merekodkan 65.7 peratus, tertinggi sejak ST2 2020 (ST4 2020: 65.2%).

Perbandingan suku tahunan, bilangan penduduk bekerja bertambah baik untuk dua suku tahun berturut-turut selepas mencatatkan penurunan marginal pada ST2 2021. Pada ST4 2021, penduduk bekerja meningkat 165.8 ribu orang (+1.1%) berbanding suku tahun sebelumnya (ST3 2021: 15.27 juta orang). Oleh itu, nisbah guna tenaga kepada penduduk meningkat 0.6 mata peratus (ST3 2021: 65.1%) seperti ditunjukkan di **Carta 27**.

Carta 27: Penduduk Bekerja & Nisbah Guna Tenaga kepada Penduduk, ST4 2019 – ST4 2021




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Melihat kepada penduduk bekerja kurang daripada 30 jam seminggu kerana kerja yang tidak mencukupi atau keadaan kerja pada suku tahun ini, jumlah itu telah berkurang kepada 393.8 ribu orang, terendah sejak ST1 2020. Bilangan penduduk bekerja kurang daripada 30 jam menurun tahun ke tahun serta suku tahun ke suku tahun masing-masing 139.9 ribu orang (-26.2%) dan 70.8 ribu orang (-15.2%) disebabkan waktu operasi perniagaan yang lebih panjang telah dibenarkan pada suku tahun ini berikutan peralihan kepada sekatan yang lebih longgar.

Oleh itu, bilangan penduduk bekerja kurang daripada 30 jam seminggu serta mampu dan sanggup untuk menerima tambahan jam bekerja atau guna tenaga tidak penuh berkaitan masa, mencatatkan 293.1 ribu orang pada suku tahun ini, berkurang 76.0 ribu orang (-20.6%) berbanding 369.1 ribu orang pada ST4 2020. Kadar guna tenaga tidak penuh berkaitan masa juga menurun 0.5 mata peratus kepada 1.9 peratus berbanding suku tahun yang sama tahun sebelumnya (ST4 2020: 2.4 peratus). Trend yang sama diperhatikan dalam guna tenaga tidak penuh berkaitan masa yang menurun sepanjang suku tahun ini (ST3 2021: 326.2 ribu orang; 2.1%) seperti ditunjukkan di **Carta 28**.


Carta 28: Penduduk Bekerja Kurang dari 30 Jam Seminggu dan Guna Tenaga Tidak Penuh Berkaitan Masa, ST4 2019 – ST4 2021



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Dari segi guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran, bilangan penduduk bekerja berpendidikan tertiar namun bekerja dalam kategori pekerjaan separuh mahir dan berkemahiran rendah merekodkan 1.84 juta orang pada suku tahun ini, jatuh 48.4 ribu orang (-2.6%) berbanding ST4 2020. Penurunan marginal 0.1 mata peratus diperhatikan dalam peratus sumbangan guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran kepada penduduk bekerja berpendidikan tertiar, merekodkan peratus sumbangan terendah bagi 2021 pada 37.5 peratus (ST4 2020: 1.89 juta orang; 37.4%). Perbandingan suku tahunan, bilangan dan peratus sumbangan masing-masing menurun 1.9 peratus (-35.5 ribu orang) dan 0.2 mata peratus (ST3 2021: 1.87 juta orang; 37.7%) seperti ditunjukkan di **Carta 29**.

Carta 29: Guna Tenaga Tidak Penuh Berkaitan Kemahiran, ST4 2019 – ST4 2021




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Sejajar dengan pembukaan semula lebih banyak perniagaan pada suku tahun ini, ia telah memberi kesan terhadap bilangan penganggur yang menyusut 8.7 peratus tahun ke tahun (-66.3 ribu orang) kepada 694.4 penganggur (ST4 2020: 760.7 penganggur), selepas menunjukkan peningkatan kecil 0.2 peratus pada suku tahun sebelumnya. Sehubungan itu, kadar pengangguran menurun kepada 4.3 peratus berbanding 4.8 peratus pada ST4 2020. Perbandingan suku tahunan, bilangan penganggur menunjukkan trend menurun secara konsisten sejak ST2 2021 dengan perbezaan 6.9 peratus (-51.8 ribu orang) daripada suku tahun sebelumnya. Sementara itu, kadar pengangguran menurun 0.4 peratus (ST3 2021: 746.2 ribu orang; 4.7%) berbanding suku tahun sebelumnya.

Melihat kepada kadar pengangguran belia berumur 15 hingga 24 tahun, kadar itu turun 1.1 mata peratus tahun ke tahun kepada 11.7 peratus. Sebaliknya, kadar pengangguran bagi kategori ini kekal tidak berubah berbanding suku tahun sebelumnya (ST4 2020: 12.8%; ST3 2021: 11.7%) seperti ditunjukkan di **Carta 30**.

Carta 30: Penganggur dan Kadar Pengangguran, ST4 2019 – ST4 2021



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia


Permintaan Buruh

Berdasarkan *International Labour Organization* (ILO), statistik permintaan buruh merujuk kepada pengguna dan penggunaan input buruh. Berdasarkan Survei Guna Tenaga Suku Tahunan, terdapat 8.53 juta jawatan dalam sektor ekonomi pada ST4 2021 dengan peningkatan 73.6 ribu jawatan (+0.9%) berbanding 8.46 juta jawatan pada ST4 2020. Perbandingan suku tahunan, terdapat penambahan 125.1 ribu jawatan (+1.5%) diperhatikan berbanding suku tahun sebelumnya (ST3 2021: 8.41 juta jawatan). Walaupun jumlah jawatan masih di bawah tahap pra-pandemik, ia adalah yang tertinggi direkodkan sejak krisis kesihatan awam.

Melihat kepada jawatan diisi, jumlah itu meningkat kepada 8.35 juta jawatan diisi pada ST4 2021 dengan kadar 97.8 peratus, menurun secara marginal 0.1 mata peratus berbanding 97.9 peratus pada ST4 2020 (ST4 2020: 8.28 juta jawatan diisi). Trend penurunan yang sama, 0.1 mata peratus ditunjukkan oleh kadar jawatan diisi suku tahun ke suku tahun.

Seterusnya, jumlah kekosongan jawatan yang direkodkan adalah 184 ribu kekosongan jawatan pada suku tahun keempat 2021. Sementara itu, perbandingan tahunan dan suku tahunan bagi kadar kekosongan jawatan masing-masing meningkat secara marginal 0.1 mata peratus (**Carta 31**).

Carta 31: Jawatan, Jawatan Diisi dan Kekosongan, ST4 2019 – ST4 2021



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Melihat kepada permintaan buruh mengikut aktiviti ekonomi, jumlah jawatan, jawatan diisi dan jawatan yang diwujudkan didominasi oleh sektor Perkhidmatan, diikuti oleh Pembuatan dan Pembinaan. Walau bagaimanapun, bagi kekosongan jawatan, jumlah ini sebahagian besarnya disumbangkan oleh sektor Pembuatan (56.4%), Pertanian (16.2%) dan Perkhidmatan (15.2%).

Pada suku tahun keempat 2021, berikutan pembukaan semula hampir kesemua sektor ekonomi dan aktiviti sosial, terdapat 20.9 ribu jawatan yang diwujudkan, mencatatkan pertumbuhan tahun ke tahun 24.9 peratus atau bersamaan dengan 4.2 ribu jawatan (ST4 2020: 16.7 ribu jawatan). Sehubungan itu, bilangan pewujudan jawatan meningkat 38.9 peratus (+5.9 ribu jawatan) berbanding suku tahun sebelumnya (ST3 2021: 15.0 ribu jawatan).

Perbandingan tahunan dan suku tahunan, bilangan pewujudan jawatan menunjukkan trend menaik dalam semua kategori kemahiran. Kategori separa mahir mencatatkan bilangan pewujudan jawatan yang tertinggi secara konsisten dengan 64.4 peratus atau bersamaan dengan 13.5 ribu jawatan yang diwujudkan pada ST4 2021, yang tertinggi sejak ST4 2019. Kategori mahir kedua tertinggi bagi bilangan jawatan yang diwujudkan (28.6%; 6.0 ribu jawatan) dan diikuti oleh kategori berkemahiran rendah (7.0%; 1.5 ribu jawatan) pada ST4 2021 (**Carta 32**).

Carta 32: Pewujudan Jawatan mengikut Kemahiran, ST4 2020, ST3 2021 dan ST4 2021




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Produktiviti Buruh

Dengan pembukaan semula kebanyakan sektor ekonomi dan aktiviti sosial berikutan majoriti negeri telah beralih ke Fasa 4 PPN dengan sekatan yang lebih longgar, bilangan pekerja menunjukkan peningkatan 1.8 peratus kepada 15.44 juta orang. Oleh itu, produktiviti buruh Malaysia yang diukur sebagai nilai ditambah per pekerja meningkat 1.7 peratus kepada RM24,006 per pekerja pada ST4 2021 (ST3 2021: -5.6%; RM21,983 per pekerja) seperti di **Carta 33**.


Carta 33: Produktiviti Buruh per Pekerja, ST4 2019 – ST4 2021



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Perubahan positif juga diperhatikan dalam produktiviti buruh yang diukur sebagai nilai ditambah per jam dengan pertumbuhan 1.3 peratus merekodkan RM42.2 per jam pada ST4 2021 selepas penurunan marginal 0.6 peratus pada suku tahun sebelumnya (ST4 2020: RM41.7 per jam; ST3 2021: RM40.9 per jam). Ini disebabkan oleh waktu operasi perniagaan yang lebih lama pada suku tahun ini. Dalam tempoh yang sama, jumlah jam bekerja meningkat 2.3 peratus kepada 8.78 bilion jam berbanding ST3 2021 (ST3 2021: -3.9%; 8.21 bilion jam) seperti di **Carta 34**.

Carta 34: Produktiviti Buruh per Jam Bekerja, ST4 2019 – ST4 2021



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Melihat kepada nilai ditambah per pekerja mengikut sektor ekonomi, tiga sektor iaitu Pembuatan, Pertanian dan Perkhidmatan meningkat semula kepada pertumbuhan positif pada suku tahun ini, masing-masing 5.3 peratus (ST3 2021: -3.5 peratus), 2.9 peratus (ST3 2021: -2.6 peratus) dan 1.0 peratus (ST3 2021: -6.2%). Sebaliknya, Pembinaan dan Perlombongan & pengkuarian kekal dalam trend menurun dalam tempoh yang sama di mana Pembinaan meningkat sedikit iaitu negatif 11.2 peratus (ST3 2021: -18.8%) dan Perlombongan & pengkuarian mencatatkan penurunan dua angka 10.7 peratus (ST3 2021: -1.3%).


Bagi produktiviti buruh diukur sebagai nilai ditambah per jam dari segi sektor ekonomi, tiga sektor iaitu Pembuatan, Pertanian dan Perkhidmatan masing-masing menunjukkan pertumbuhan positif pada suku tahun ini, masing-masing meningkat 4.6 peratus, 1.7 peratus dan 0.7 peratus. Daripada tiga sektor tersebut, hanya Pembuatan kekal dalam trend naik berbanding 2.6 peratus pada ST3 2021. Sementara itu, sektor Pertanian dan Perkhidmatan masing-masing meningkat semula dengan pertumbuhan positif berbanding negatif 3.4 peratus dan negatif 1.8 peratus pada ST3 2021. Sebaliknya, sektor Pembinaan menunjukkan penurunan terbesar 11.0 peratus (ST3 2021: -5.7%) manakala sektor Perlombongan & pengkuarian turun 9.3 peratus (ST3 2021: 4.1%).

Pasaran Buruh bagi 2021

Selepas pemulihan secara beransur-ansur dalam pasaran buruh pada bulan terakhir 2020, keadaan pasaran buruh dilihat menghadapi situasi yang mencabar dengan lonjakan kes harian baharu COVID-19 pada awal 2021. Oleh itu, Kerajaan telah menyediakan pelbagai inisiatif dan bantuan dalam mengimbangi momentum ekonomi serta sistem penjagaan kesihatan pada tahun ini iaitu program vaksinasi COVID-19 dan PPN. Usaha yang membawa hasil ini berjaya mengurangkan kesan pandemik terhadap pasaran buruh yang membolehkan pemulihan pasaran buruh yang sederhana pada tahun 2021.

Merujuk kepada penawaran buruh, berdasarkan anggaran awal data purata bulanan bilangan penduduk bekerja adalah pada 15.4 juta orang, meningkat 3.0 peratus pada 2021 selepas pengurangan 0.8 peratus pada tahun sebelumnya. Bilangan penduduk bekerja telah melepas tahap penduduk bekerja pra-pandemik yang direkodkan pada 15.07 juta orang pada 2019. Sementara itu, bilangan penganggur meningkat kepada 741.4 ribu orang pada 2021 berbanding 711.0 ribu orang pada tahun lepas, menjadikan kadar pengangguran 4.6 peratus dengan kenaikan 0.1 mata peratus pada 2021. Pada masa yang sama, tenaga buruh pada 2021 meningkat 3.0 peratus kepada 16.14 juta orang dengan 68.6 peratus kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB) berbanding 68.4 peratus pada tahun sebelumnya (**Carta 35**).

Carta 35: Penduduk Bekerja, Penganggur, Kadar Penyertaan Tenaga Buruh dan Kadar Pengangguran, 1982 - 2021^p



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Nota:

p - data awalan berdasarkan purata statistik bulanan pada tahun 2021

Perkembangan yang sama dalam permintaan buruh sektor swasta juga diperhatikan dengan jumlah jawatan direkodkan pada 8.53 juta jawatan, meningkat 0.9 peratus pada 2021 selepas turun 2.4 peratus tahun lepas (2020: 8.46 juta jawatan). Walau bagaimanapun, jumlah jawatan tersebut belum pulih seperti tahap pra-pandemik pada 8.66 juta jawatan pada 2019. Sementara itu, jawatan yang diisi meningkat 65.9 ribu jawatan merekodkan 8.35 juta jawatan pada 2021 (2020: 8.28 juta jawatan yang diisi). Begitu juga, bilangan kekosongan jawatan pada 2021 meningkat 7.7 ribu jawatan kepada 183.6 ribu jawatan dengan kadar kekosongan jawatan 2.2 peratus berbanding 2.1 peratus pada 2020. Sebaliknya, bilangan jawatan yang diwujudkan menurun 3.8 ribu jawatan kepada 69.5 ribu jawatan pada 2021 memandangkan dinamik perniagaan yang perlana pada tahun ini berbanding 73.3 ribu jawatan pada tahun sebelumnya. Melihat kepada jawatan yang diwujudkan dalam sektor ekonomi, Pembuatan merangkumi peratus sumbangan terbesar 42.0 peratus; terutamanya dalam produk Elektrik, elektronik dan optikal serta produk Petroleum, kimia, getah & plastik. Ini diikuti oleh sektor Perkhidmatan dengan peratus sumbangan 37.2 peratus kebanyakannya di subsektor Perdagangan borong dan runcit serta Kewangan, insurans, hartanah dan perkhidmatan perniagaan.

Dari segi produktiviti buruh, nilai ditambah per pekerja meningkat 1.8 peratus mencatatkan RM 90,647 per pekerja pada 2021 (2020: -5.5%; RM 89,022 per pekerja). Pembukaan semula lebih banyak aktiviti ekonomi dan sosial dengan waktu perniagaan yang dilanjutkan pada 2021 menyebabkan jumlah jam bekerja mencatatkan 33.8 bilion jam, melonjak 5.8 peratus berbanding penurunan mendadak 8.7 peratus tahun lepas. Oleh itu, produktiviti buruh diukur oleh nilai ditambah per jam bekerja jatuh 2.6 peratus mencatatkan RM 41.0 per jam (2020: 3.4%; RM 42.0 per jam).

Keadaan pasaran buruh telah mula pulih secara sederhana pada suku tahun ini. Ini disokong dengan peningkatan guna tenaga serta pengurangan bilangan penganggur. Tambahan pula, bagi permintaan buruh, bilangan kedua-dua jawatan diisi dan kekosongan jawatan telah menunjukkan peningkatan, namun masih berada di bawah paras pra pandemik. Di samping itu, pertumbuhan positif juga diperhatikan dalam kedua-dua produktiviti buruh yang diukur oleh nilai ditambah per pekerjaan dan per jam bekerja pada suku tahun ini.

Pemulihan kecil dalam pasaran buruh secara tidak langsung menunjukkan krisis kesihatan yang semakin baik di Malaysia dengan peningkatan kadar vaksinasi COVID-19 dalam kalangan populasi dewasa, seterusnya menunjukkan pengurangan kemasukan wad dan ICU. Kadar vaksinasi COVID-19 dan kemasukan ICU ini merupakan salah satu faktor dalam menentukan fasa PPN, di mana peralihan kebanyakan negeri ke Fasa 4 menunjukkan sekatan yang lebih longgar dalam operasi perniagaan dan aktiviti sosial.

Kemajuan yang menggalakkan ini, disokong dengan langkah pembendungan, inisiatif dan bantuan berterusan yang disediakan oleh Kerajaan menggambarkan pemulihan pasaran buruh yang berterusan di masa akan datang, tidak mengambil kira cabaran varian COVID-19 yang baharu dan lebih merbahaya.


Indeks Harga Pengguna

Peralihan Monsun Timur Laut yang menyebabkan hujan lebat berterusan di beberapa buah negeri seperti di Selangor, Kelantan, Terengganu, Pahang dan Johor sepanjang bulan Disember 2021, seterusnya mengakibatkan banjir besar di Selangor dan Pahang. Bencana banjir dan hujan lebat telah menjelaskan pengeluaran sayur-sayuran dan tangkapan ikan & makanan laut. Peristiwa ini menyebabkan gangguan bekalan dan mendorong kepada kenaikan pada harga makanan.

Inflasi negara pada bulan Disember 2021 meningkat 3.2 peratus kepada 124.5 berbanding 120.6 pada bulan yang sama tahun sebelumnya disebabkan oleh kesan asas. Kenaikan ini turut melepas purata inflasi negara Malaysia bagi tempoh 2011 hingga 2021 iaitu 1.9 peratus. Peningkatan keseluruhan ini telah didorong oleh kenaikan indeks bagi lima kumpulan utama iaitu Pengangkutan (9.5%); Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain (3.4%); Makanan & Minuman Bukan Alkohol (3.2%); Hiasan, Perkakasan & Penyelenggaraan Isi Rumah (2.7%) dan Restoran & Hotel (1.3%).


Ini diikuti oleh peningkatan marginal bagi kedua-dua Perkhidmatan Rekreasi & Kebudayaan dan Pelbagai Barang & Perkhidmatan yang meningkat sebanyak 0.4 peratus, manakala Minuman Alkohol & Tembakau meningkat 0.3 peratus. Komunikasi kekal tidak berubah, manakala Pakaian & Kasut menurun 0.4 peratus. Pendidikan dan Kesihatan masing-masing juga merekodkan peningkatan marginal 0.2 peratus berbanding tahun sebelumnya (**Carta 36**).

Carta 36: IHP Keseluruhan, Pengangkutan dan Makanan & Minuman Bukan Alkohol (Tahun ke Tahun), Disember 2020 – Disember 2021



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Peningkatan bagi kumpulan Pengangkutan pada Disember 2021 disebabkan oleh penetapan harga bahan api domestik (Petrol RON95 dan Diesel) oleh kerajaan pada Mac 2021. Harga purata Petrol Tanpa Plumbum RON95 meningkat kepada RM2.05 per liter berbanding RM1.74, harga purata Petrol Tanpa Plumbum RON97 meningkat kepada RM3.00 per liter berbanding RM2.04 dan harga purata Diesel meningkat kepada RM2.15 per liter daripada RM1.93 pada bulan yang sama tahun sebelumnya (**Carta 37**).



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Kumpulan Makanan & Minuman Bukan Alkohol merekodkan 140.1 pada Disember 2021, peningkatan 3.2 peratus berbanding 135.8 pada tahun lalu, yang menyumbang 29.5 peratus daripada keseluruhan wajaran IHP. Peningkatan ini didorong oleh kenaikan dalam subkumpulan Daging (8.8%); Susu, keju & telur (5.5%); Sayur-sayuran (5.0%); Minyak & Lemak (4.4%) dan Ikan & makanan laut (4.2%) seperti ditunjukkan di **Jadual 6**.


Jadual 6: Subkumpulan Makanan & Minuman Bukan Alkohol, Disember 2021 (Perubahan Peratusan)

| Kumpulan Utama | Wajaran | Tahun ke Tahun (%) Disember 2021 |
|--|-------------|-------------------------------------|
| Makanan & Minuman Bukan Alkohol | 29.5 | 3.2 |
| Makanan | 28.4 | 3.4 |
| Makanan Di Rumah | 16.9 | 4.1 |
| Beras, Roti & Bijirin Lain | 3.5 | 1.3 |
| Daging | 2.5 | 8.3 |
| Ikan & Makanan Laut | 4.0 | 4.2 |
| Susu, Keju & Telur | 1.5 | 5.5 |
| Minyak & Lemak | 0.6 | 4.4 |
| Buah-Buahan | 1.2 | 1.8 |
| Sayur-Sayuran | 2.1 | 5.0 |
| Gula, Jem, Madu, Coklat & Manisan | 0.6 | 0.7 |
| Keluaran Makanan t.t.t.l. | 1.0 | 2.8 |
| Makanan Di Luar Rumah | 11.5 | 2.2 |
| Kopi, Teh, Koko & Minuman Bukan Alkohol | 1.1 | 0.5 |

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pada suku tahun keempat 2021, IHP meningkat 3.2 peratus kepada 124.1 berbanding 120.3 pada suku tahun yang sama tahun sebelumnya. Peningkatan ini disumbangkan oleh indeks Pengangkutan (11.1%); Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain (3.3%); Makanan & Minuman Bukan Alkohol (2.6%) dan Hiasan, Perkakasan & Penyelenggaraan Isi Rumah (2.5%) seperti dipaparkan di **Carta 38**. Bagi perbandingan suku tahunan pula, IHP meningkat 1.2 peratus berbanding suku tahun ketiga 2021.

Carta 38: Indeks Harga Pengguna (Tahun ke Tahun), ST4 2020 – ST4 2021



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Inflasi negara bagi tempoh Januari hingga Disember 2021 menunjukkan peningkatan ketara iaitu 2.5 peratus berbanding negatif 1.2 peratus bagi tempoh yang sama tahun 2020. Penetapan harga siling Petrol Tanpa Plumbeum RON95 oleh kerajaan bermula Mac 2021 pada harga RM2.05 merupakan penyumbang utama kepada peningkatan kadar inflasi. Pada masa yang sama, faktor lain yang menyumbang kepada kenaikan inflasi adalah peningkatan harga ayam yang melebihi purata harga ayam pada tahun 2020.

Tambahan pula, kenaikan harga barang makanan terutamanya sayur-sayuran dan ikan & makanan laut berikutkan faktor cuaca serta peningkatan harga komponen makanan haiwan global dijangka memberi kesan kepada indeks Makanan di luar rumah dan Makanan & Minuman Bukan Alkohol pada Januari 2022.

Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Pengeluaran Tempatan

Indeks Harga Pengeluar (IHPR) pengeluaran tempatan yang merupakan pengukur utama inflasi dari perspektif pengeluar meningkat 10.0 peratus pada Disember 2021 berbanding penurunan 2.1 peratus yang dicatatkan pada bulan yang sama tahun sebelumnya. Peningkatan ini disokong oleh kos bahan mentah yang lebih tinggi berbanding tahun sebelumnya, selain kesan asas yang lebih rendah pada tahun lalu. Melihat kepada perbandingan tahunan, peningkatan dalam IHPR pengeluaran tempatan pada Disember 2021 disumbangkan oleh indeks Perlombongan yang melonjak 45.1 peratus berbanding kejatuhan 40.0 peratus yang dicatatkan pada Disember 2020. Peningkatan ini disumbangkan oleh harga yang lebih tinggi bagi Minyak mentah (46.8%) dan Gas asli (37.0%). Indeks Pertanian, perhutanan & perikanan juga meningkat pada kadar sederhana iaitu 10.9 peratus (Disember 2020: 23.5%), sebahagian besarnya disebabkan oleh peningkatan dalam indeks Perikanan (12.4%), Pengeluaran ternakan (11.6%) dan Penanaman tanaman kekal (11.2%). Sementara itu, indeks Pembuatan meningkat 7.6 peratus berbanding peningkatan marginal 0.2 peratus yang dicatatkan pada tahun sebelumnya, disumbangkan oleh indeks bagi subsektor Pembuatan produk petroleum bertapis (22.3%), Pembuatan minyak & lemak daripada sayuran & haiwan (18.1%) dan Pembuatan kimia asas, baja & sebatian nitrogen, plastik & getah sintetik dalam bentuk primer (15.6%). Selain itu, indeks bagi subsektor Pembuatan produk plastik, Pembuatan produk getah dan Pembuatan besi & keluli asas turut meningkat. Indeks utiliti iaitu Bekalan air dan Bekalan elektrik & gas masing-masing merekodkan peningkatan secara marginal masing-masing dengan 0.9 peratus dan 0.7 peratus.

Bagi perbandingan bulan ke bulan, IHPR pengeluaran tempatan menurun buat pertama kali setelah merekodkan peningkatan secara konsisten selama 14 bulan berturut-turut. IHPR pengeluaran tempatan menurun 0.6 peratus pada Disember 2021, disumbangkan terutamanya oleh indeks Perlombongan yang mencatatkan negatif 4.2 peratus. Harga Minyak mentah terus merekodkan kejatuhan berikutan penularan varian Omicron dan menyumbang kepada penambahan kes positif COVID-19 yang bukan sahaja berlaku di Malaysia, malah di seluruh dunia. Penularan varian baharu ini menyebabkan kebanyakan negara memperkenalkan semula sekatan pergerakan, yang akhirnya boleh menjelaskan permintaan komoditi ini. Indeks Pertanian, perhutanan & perikanan juga mencatatkan penurunan 2.9 peratus, dipacu terutamanya oleh harga Buah tandan segar kelapa sawit yang jatuh 4.9 peratus berbanding November 2021. Harga bagi Ayam turut menunjukkan penurunan 0.8 peratus. Sementara itu, indeks Pembuatan meningkat secara marginal sebanyak 0.1 peratus, disokong oleh kenaikan sederhana 0.7 peratus bagi subsektor Pembuatan produk petroleum bertapis selain peningkatan harga bagi produk-produk berkaitan dengan pembinaan. Namun begitu, peningkatan marginal dalam indeks Pembuatan turut diimbangi dengan kejatuhan 0.8 peratus bagi Pembuatan komponen & papan elektronik. Pada masa yang sama, indeks Bekalan air dan Bekalan elektrik & gas masing-masing meningkat 0.5 peratus dan 0.1 peratus (**Jadual 7**).


Jadual 7: Indeks Harga Pengeluar (2010=100) Pengeluaran Tempatan mengikut Sektor, Malaysia, Disember 2020 dan November 2021 - Disember 2021

| Sektor | Kod | Wajaran | Indeks | Perubahan Peratus (%) | | | | | | |
|-----------------------------------|-----|---------|--------|-----------------------|-------------|-------------|----------------|-------------|-------------|-------------|
| | | | | Tahun ke Tahun | | | Bulan ke Bulan | | | |
| | | | | Dis 2021 | Dis 2020 | Nov 2021 | Dis 2021 | Dis 2020 | Nov 2021 | Dis 2021 |
| Jumlah | | 100.00 | 115.6 | -2.1 | 12.6 | 10.0 | 1.7 | 1.4 | -0.6 | |
| Pertanian, perhutanan & perikanan | A | 6.73 | 147.4 | 23.5 | 19.1 | 10.9 | 4.2 | 5.9 | -2.9 | |
| Perlombongan | B | 7.93 | 97.2 | -40.0 | 71.2 | 45.1 | 13.0 | -2.3 | -4.2 | |
| Pembuatan | C | 81.57 | 114.8 | 0.2 | 8.4 | 7.6 | 0.9 | 1.3 | 0.1 | |
| Bekalan elektrik & gas | D | 3.44 | 116.5 | -1.7 | -0.3 | 0.7 | -0.9 | -0.3 | 0.1 | |
| Bekalan air | E | 0.33 | 113.5 | 0.7 | 0.2 | 0.9 | -0.2 | 0.9 | 0.5 | |

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Bagi IHPR pengeluaran tempatan mengikut peringkat pemprosesan, indeks Bahan mentah untuk diproseskan selanjutnya meningkat 21.4 peratus berbanding penurunan 10.0 peratus yang dicatatkan pada bulan yang sama tahun sebelumnya. Peningkatan ini dipengaruhi terutamanya oleh harga yang lebih tinggi bagi komoditi bukan makanan seperti Minyak mentah, Buah tandan segar kelapa sawit dan Bahan bakar selain diesel. Indeks bagi Bahan makanan & makanan untuk binatang seperti Lada hitam, Ayam, Kobis bulat, Tomato dan Telur ayam turut meningkat. Begitu juga, indeks Bahan perantaraan, bekalan & komponen naik 10.9 peratus. Antara produk yang menyumbang kepada peningkatan ini ialah Minyak sawit mentah, Litar bersepudu, Aluminium, Bar bulat keluli lembut dan Makanan ayam campuran. Walau bagaimanapun, indeks Barang siap mencatatkan penurunan 0.2 peratus disebabkan oleh penurunan dalam indeks Komputer peribadi dan Sarung tangan getah (Examination) seperti ditunjukkan pada **Carta 39**.


Carta 39: Indeks Harga Pengeluar mengikut Peringkat Pemprosesan (Tahun ke Tahun), Disember 2020 – Disember 2021



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

IHPR pengeluaran tempatan pada suku tahun keempat 2021 kekal berada dalam aliran menaik dengan mencatatkan kenaikan dua digit baharu iaitu 11.9 peratus berbanding kejatuhan 2.9 peratus direkodkan pada tempoh yang sama tahun sebelumnya. Peningkatan pada suku tahun ini dipacu terutamanya oleh indeks Perlombongan (65.4%) dan Pertanian, perhutanan & perikanan (17.9%). Indeks Pembuatan turut meningkat 7.9 peratus berbanding penurunan 0.4 peratus yang dicatatkan pada suku tahun yang sama tahun lepas. Selain itu, indeks Bekalan elektrik & gas serta indeks Bekalan air masing-masing meningkat 0.3 peratus dan 0.2 peratus (**Carta 40**). Bagi perbandingan antara suku tahun, IHPR pengeluaran tempatan menunjukkan peningkatan 2.1 peratus berbanding kenaikan 1.6 peratus yang direkodkan pada suku tahun ketiga 2021. Peningkatan pada suku tahun ini didorong oleh kenaikan indeks Pertanian, perhutanan & perikanan yang naik 5.4 peratus berbanding kejatuhan 2.6 peratus pada suku tahun sebelumnya. Sementara itu, indeks Perlombongan meningkat sederhana 2.5 peratus (ST3 2021: 9.8%) kesan daripada kejatuhan harga Minyak mentah selama dua bulan berturut-turut. Indeks Pembuatan turut meningkat 1.8 peratus. Bagi indeks utiliti, indeks Bekalan air meningkat 0.8 peratus, manakala indeks Bekalan elektrik & gas turun 0.1 peratus.


Carta 40: Indeks Harga Pengeluar (2010=100) Pengeluaran Tempatan, ST4 2020 – ST4 2021 (Tahun ke Tahun)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pada tahun 2021, IHPR pengeluaran tempatan buat pertama kalinya mencatatkan peningkatan setelah merekodkan penurunan selama tiga tahun berturut-turut. IHPR pengeluaran tempatan meningkat 9.5 peratus pada tahun 2021, tertinggi dalam tempoh sedekad (**Carta 41**).

Carta 41: Indeks Harga Pengeluar (2010=100) Pengeluaran Tempatan, 2011-2021



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Secara keseluruhan, situasi ekonomi dunia sepanjang tahun 2021 telah memberi kesan kepada harga komoditi utama global di mana ekonomi di seluruh dunia mengalami bekalan yang tidak mencukupi untuk menampung permintaan yang kembali pulih setelah sekatan pergerakan di kebanyakan negara dibuka semula. Ini seterusnya menyebabkan gangguan kepada rantai bekalan dan memberi tekanan terhadap harga komoditi dan bahan mentah. Selain itu, keadaan cuaca sejuk berpanjangan yang luar biasa di beberapa negara turut menyebabkan lonjakan harga bagi komoditi utama terutamanya Gas asli. Pada tempoh awal tahun 2022, dunia berdepan ancaman varian Omicron di mana kebanyakan negara telah mula mengambil inisiatif untuk mengawal penularan dengan mengenakan sekatan mobiliti. Oleh yang demikian, ini akan memberi kesan yang ketara kepada harga komoditi utama, terutamanya Minyak mentah.

Pergelutan dalam mengekang penularan COVID-19 masih berterusan pada 2021 berikutan peningkatan jumlah kes dan kematian di seluruh dunia. Namun, situasi ketika ini berbeza berbanding krisis kesihatan awam tahun 2020 di mana inisiatif global bagi memastikan akses yang saksama terhadap vaksin COVID-19 telah bermula sejak awal tahun 2021. Di samping itu, negara-negara telah mengambil pengajaran daripada kesan sosioekonomi yang dialami pada 2020 dan mula melaksanakan pendekatan yang lebih bersasar untuk melandaikan gelombang jangkitan. Bagi Malaysia, melalui pelaksanaan beberapa langkah pembendungan dalam tempoh enam bulan pertama 2021, seluruh negara telah beralih ke fasa pertama PPN pada Julai, merintis strategi sistematik ke arah pembukaan semula sektor ekonomi dan sosial secara selamat. Justeru, pemulihan berterusan dapat dilihat apabila lebih banyak negeri beralih kepada fasa PPN yang lebih baik dengan kelonggaran prosedur operasi standard tertentu dan kebenaran kepada lebih banyak perniagaan untuk beroperasi semula. Sehingga Disember 2021, hanya Sarawak dan Kelantan masih berada dalam Fasa 3 PPN, manakala negeri-negeri lain berada dalam Fasa 4 apabila 97.5 peratus populasi dewasa di negara ini telah lengkap divaksinasi daripada COVID-19.

Pembukaan semula sektor ekonomi dan sosial secara progresif pada suku tahun keempat 2021 dapat dicerminkan menerusi prestasi petunjuk makroekonomi. Seterusnya, ekonomi Malaysia pada suku tahun keempat 2021 memulih kepada 3.6 peratus berbanding penyusutan 4.5 peratus pada suku tahun sebelumnya. Berdasarkan prestasi ekonomi bulanan, KDNK mengekalkan pertumbuhan positif tahun ke tahun untuk ketiga-tiga bulan dengan mencatatkan pertumbuhan 2.7 peratus pada Oktober sebelum meningkat kepada 5.4 peratus pada November. Walaupun Lembah Klang dan beberapa negeri mengalami banjir di luar jangka pada akhir tahun 2021, KDNK mengekalkan aliran menaik pada kadar sederhana 2.6 peratus pada Disember 2021. Secara keseluruhan, prestasi ekonomi Malaysia pada tahun 2021 menunjukkan momentum pemulihan dengan pertumbuhan 3.1 peratus berbanding penurunan 5.6 peratus pada 2020.

Melihat kepada sektor luaran, CAB Malaysia terus mencatatkan lebih RM15.2 bilion pada suku tahun terakhir 2021, didorong oleh eksport bersih barang yang tinggi dengan pertumbuhan dua angka dalam harga komoditi. Pada masa yang sama, akaun Barang mencatatkan eksport bersih RM51.8 bilion, nilai tertinggi sejak suku tahun ketiga 2008. Sementara itu, import barang meningkat 12.3 peratus kepada RM219.5 bilion berbanding suku tahun ketiga 2021. Akaun Perkhidmatan merekodkan defisit yang lebih tinggi dengan nilai RM15.5 bilion pada suku tahun keempat 2021 daripada defisit RM15.2 bilion pada suku tahun sebelumnya. Ini disumbangkan oleh defisit yang lebih tinggi dalam Pengangkutan, Telekomunikasi, komputer dan maklumat serta defisit berterusan dalam Perjalanan. Imbalan pembayaran negara pada 2021 kekal berdaya tahan dengan CAB mencatatkan lebih RM53.5 bilion, terutamanya disokong oleh akaun Barang. Pada masa yang sama, Perkhidmatan mencatatkan defisit tertinggi pada 2021 kesan daripada defisit yang semakin melebar dalam Perjalanan dan Pengangkutan. Namun begitu, beberapa komponen Perkhidmatan menunjukkan prestasi yang lebih baik pada 2021 seperti Perkhidmatan Pembinaan dan Perkhidmatan persendirian, kebudayaan dan rekreasi.

Berkaitan pengeluaran, IPP kembali mencatatkan pertumbuhan positif 6.9 peratus tahun ke tahun pada suku tahun keempat 2021 daripada negatif 1.1 peratus yang dicatatkan pada suku tahun sebelumnya. Pertumbuhan ini didorong oleh peningkatan dalam indeks Pembuatan (9.2%) dan indeks Elektrik (4.3%). Sementara itu, nilai jualan sektor pembuatan meningkat 16.5 peratus pada suku tahun keempat 2021 kepada RM427.0 bilion dan mencatatkan pertumbuhan 15.5 peratus pada tahun 2021 kepada RM1,554.7 bilion. Sektor perkhidmatan juga menunjukkan prestasi yang lebih baik pada suku tahun keempat 2021 dengan nilai hasil meningkat 5.3 peratus tahun ke tahun kepada RM460.0 bilion. Peningkatan ini didorong oleh segmen perdagangan borong & runcit, makanan & minuman dan penginapan. Seterusnya, jumlah hasil sektor Perkhidmatan bagi 2021 berjumlah RM1,683.9 bilion, meningkat 2.8 peratus selepas penurunan ketara 8.1 peratus pada tahun sebelumnya,

Beralih kepada harga, IHP mencatatkan peningkatan 3.2 peratus pada suku tahun keempat 2021, manakala IHPR pengeluaran tempatan kekal dalam trend menaik dengan merekodkan pertumbuhan dua angka 11.9 peratus. Bagi tempoh Januari hingga Disember 2021, IHP meningkat 2.5 peratus berbanding penurunan 1.2 peratus bagi tempoh yang sama pada 2020. Sementara itu, IHPR meningkat 9.5 peratus pada tahun 2021 selepas merekodkan penurunan selama tiga tahun berturut-turut.

Pasaran buruh kembali berada di landasan pemulihan pada suku tahun keempat 2021 didorong oleh pembukaan lebih banyak aktiviti ekonomi dan sosial. Penduduk bekerja meningkat 1.8 peratus tahun ke tahun kepada 15.44 juta orang, manakala kadar pengangguran menyusut 0.5 mata peratus untuk merekodkan kadar pengangguran suku tahunan terendah sejak bermulanya penularan wabak, iaitu 4.3 peratus. Dari perspektif permintaan buruh, bilangan jawatan dalam sektor ekonomi menunjukkan peningkatan buat kali pertama selepas merosot selama enam suku tahun berturut-turut, mencatatkan 8.531 juta jawatan pada suku tahun keempat 2021. Berdasarkan senario pasaran buruh tahunan, bilangan penduduk bekerja meningkat 3.0 peratus pada 2021, melepassi paras sebelum tempoh pandemik. Walau bagaimanapun, kadar pengangguran mencatatkan peningkatan kecil 0.1 mata peratus daripada tahun 2020 kepada 4.6 peratus berikutan langkah pembendungan berterusan yang dilaksanakan sepanjang tahun.

Meskipun tahun 2021 melabuhkan tirainya dengan situasi kesihatan dan ekonomi yang lebih baik, varian Omicron telah mencetuskan lonjakan kepada jumlah jangkitan global. Berdasarkan usaha vaksinasi yang lebih giat dan meluas yang seterusnya mengurangkan bilangan kes kritikal dan kematian, kebanyakan negara di seluruh dunia membuat keputusan untuk terus hidup bersama virus ini dan membuka semula ekonomi. Di Malaysia, pada ketika ini, sejumlah 97.5 peratus daripada populasi dewasa di Malaysia telah lengkap divaksinasi, manakala 90.0 peratus adalah di kalangan remaja. Sementara itu, pemberian vaksin COVID-19 untuk kanak-kanak berumur lima hingga sebelas tahun yang dilancarkan pada 3 Februari 2022 telah mencatatkan 17.3 peratus. Rentetan daripada itu, Malaysia sedang bersiap sedia bagi pembukaan semula sempadan negara sepenuhnya pada Mac 2022, yang akan menjadi pemangkin dalam pemulihan aktiviti berkaitan pelancongan serta bagi mengatasi situasi kekurangan pekerja dalam beberapa sektor seperti perladangan dan pembinaan. Prestasi IP meningkat kepada 2.1 peratus pada Disember 2021 daripada 1.6 peratus pada November 2021. Selain itu, IP terus melepassi paras 100.0 mata dan telah meningkat mencecah 111.5 mata. Secara keseluruhannya, prestasi ini memberi isyarat kepada prospek ekonomi yang lebih baik pada bulan-bulan akan datang. Di samping itu, IMF mengunjurkan ekonomi Malaysia akan meningkat sekitar 5.75 peratus pada 2022, selaras dengan vaksinasi COVID-19 yang menggalakkan serta pelaksanaan segera langkah sokongan kepada polisi ekonomi.

INDIKATOR EKONOMI

| INDIKATOR (Nilai) | UNIT | 2020 | | 2021 | | | | | | | | | | | | SUMBER DATA |
|---|-------------------|---------------|---------------|---------------|---------------|---------------|---------------|---------------|---------------|---------------|---------------|---------------|---------------|---------------|--|-----------------------------|
| | | Dis | Jan | Feb | Mac | Apr | Mei | Jun | Jul | Ogos | Sep | Okt | Nov | Dis | | |
| 1.0 KELUARAN DALAM NEGERI KASAR | | | | | | | | | | | | | | | | |
| 1.1 Harga Malar 2015 | RM Juta | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | Jabatan Perangkaan Malaysia | |
| 2.0 KOMODITI | | | | | | | | | | | | | | | | |
| 2.1 GETAH | | | | | | | | | | | | | | | | |
| 2.1.1 Pengeluaran | | | | | | | | | | | | | | | | |
| - Getah | Tan Metrik | 49,825.2 | 45,734.7 | 49,840.0 | 36,068.3 | 23,012.9 | 28,164.2 | 38,807.4 | 48,609.9 | 42,942.1 | 41,179.6 | 43,126.6 | 30,493.3 | 41,689.8 | Jabatan Perangkaan Malaysia | |
| 2.1.2 Harga | | | | | | | | | | | | | | | | |
| - SMR 20 | RM/Kg | 6.29 | 6.29 | 6.73 | 7.08 | 6.68 | 6.86 | 6.69 | 6.79 | 7.18 | 6.69 | 7.14 | 7.22 | 7.13 | Lembaga Getah Malaysia | |
| - Sekerap | RM/Kg | 4.92 | 4.87 | 5.22 | 5.83 | 5.36 | 5.60 | 5.48 | 5.48 | 5.90 | 5.38 | 5.79 | 5.86 | 5.84 | Lembaga Getah Malaysia | |
| - Getah Cair | RM/Kg | 6.65 | 6.33 | 6.44 | 7.30 | 7.16 | 7.22 | 6.71 | 5.47 | 5.81 | 5.60 | 5.73 | 6.09 | 6.11 | Lembaga Getah Malaysia | |
| - Lateks Pekat | RM/Kg | 5.83 | 5.50 | 5.88 | 6.80 | 6.23 | 6.37 | 5.65 | 4.94 | 5.22 | 4.97 | 5.21 | 5.54 | 5.39 | Lembaga Getah Malaysia | |
| 2.1.3 Eksport | | | | | | | | | | | | | | | | |
| - Getah Asli # | Tan Metrik | 61,546.7 | 48,125.3 | 54,632.2 | 58,851.9 | 55,695.6 | 48,111.3 | 48,588.5 | 48,645.4 | 59,171.7 | 62,331.7 | 62,167.0 | 60,942.4 | 45,982.3 | Jabatan Perangkaan Malaysia | |
| 2.2 KELAPA SAWIT | | | | | | | | | | | | | | | | |
| 2.2.1 Eksport | | | | | | | | | | | | | | | | |
| - Produk Kelapa Sawit | Tan Metrik | 2,458,778.0 | 1,612,358.0 | 1,514,853.0 | 1,810,510.0 | 2,072,855.0 | 1,921,986.0 | 2,216,639.0 | 2,084,308.0 | 1,955,191.0 | 2,441,399.0 | 2,163,435.0 | 2,342,143.0 | 2,143,891.0 | Lembaga Minyak Sawit Malaysia | |
| - Minyak Sawit | Tan Metrik | 1,642,835.0 | 947,392.0 | 900,558.0 | 1,189,859.0 | 1,350,777.0 | 1,268,424.0 | 1,418,494.0 | 1,402,315.0 | 1,167,188.0 | 1,611,518.0 | 1,420,574.0 | 1,465,518.0 | 1,423,821.0 | Lembaga Minyak Sawit Malaysia | |
| - Minyak Isirong Sawit | Tan Metrik | 145,551.0 | 69,397.0 | 64,561.0 | 93,223.0 | 96,546.0 | 71,330.0 | 78,328.0 | 113,040.0 | 85,351.0 | 93,300.0 | 94,302.0 | 123,005.0 | 94,349.0 | Lembaga Minyak Sawit Malaysia | |
| 2.3 PETROLEUM MENTAH | | | | | | | | | | | | | | | | |
| 2.3.1 Harga | | | | | | | | | | | | | | | | |
| - Minyak Mentah, Brent | USD/Tong | 49.87 | 54.55 | 61.96 | 65.19 | 64.77 | 68.04 | 73.07 | 74.39 | 70.02 | 74.60 | 83.65 | 80.77 | 74.31 | World Bank | |
| - Minyak Mentah, WTI | USD/Tong | 47.05 | 52.10 | 59.06 | 62.35 | 61.71 | 65.18 | 71.38 | 72.46 | 67.73 | 71.56 | 81.32 | 79.18 | 71.53 | World Bank | |
| 2.3.2 Eksport | | | | | | | | | | | | | | | | |
| - Petroleum Mentah # | '000 Tan Metrik | 1,090.0 | 1,027.6 | 758.1 | 927.2 | 847.1 | 923.9 | 878.5 | 827.0 | 805.3 | 838.2 | 689.7 | 542.4 | 549.3 | Jabatan Perangkaan Malaysia | |
| - Produk Petroleum # | '000 Tan Metrik | 3,154.3 | 2,230.7 | 3,617.4 | 1,973.1 | 4,124.4 | 2,760.1 | 3,587.1 | 4,394.6 | 2,629.4 | 3,717.5 | 3,420.4 | 3,311.0 | 2,139.8 | Jabatan Perangkaan Malaysia | |
| 2.3.3 Import | | | | | | | | | | | | | | | | |
| - Petroleum Mentah # | '000 Tan Metrik | 568.9 | 580.7 | 489.6 | 259.6 | 1,135.5 | 506.9 | 413.0 | 1,014.3 | 377.9 | 657.8 | 234.2 | 538.9 | 221.7 | Jabatan Perangkaan Malaysia | |
| - Produk Petroleum # | '000 Tan Metrik | 2,932.3 | 2,567.6 | 3,950.0 | 2,583.3 | 3,783.9 | 2,635.7 | 3,652.8 | 3,154.9 | 1,948.3 | 3,023.5 | 3,329.8 | 3,057.0 | 1,963.8 | Jabatan Perangkaan Malaysia | |
| 2.4 GAS ASLI CECAIR (LNG) | | | | | | | | | | | | | | | | |
| 2.4.1 Eksport | | | | | | | | | | | | | | | | |
| - Gas Asli Cecair # | '000 Tan Metrik | 2,663.6 | 2,148.7 | 2,545.4 | 2,161.2 | 2,306.6 | 2,289.1 | 1,667.6 | 2,032.6 | 2,132.0 | 1,568.9 | 1,813.5 | 1,996.9 | 2,493.2 | Jabatan Perangkaan Malaysia | |
| 3.0 SEKTOR | | | | | | | | | | | | | | | | |
| 3.1 PEMBUATAN | | | | | | | | | | | | | | | | |
| 3.1.1 Indeks Pengeluaran Perindustrian | Mata | 127.8 | 127.5 | 120.1 | 128.3 | 122.8 | 120.4 | 126.9 | 119.1 | 125.4 | 132.3 | 137.6 | 137.7 | 138.5 | Jabatan Perangkaan Malaysia | |
| 3.1.2 Jualan | RM '000 | 124,571,490.9 | 122,886,624.5 | 118,412,460.2 | 126,935,039.3 | 130,645,790.4 | 122,726,159.9 | 124,362,618.2 | 119,933,989.3 | 126,536,417.3 | 135,322,930.7 | 140,654,673.8 | 142,410,833.2 | 143,910,775.4 | 143,910,775.4 | Jabatan Perangkaan Malaysia |
| 3.1.3 Eksport # | RM '000 | 82,005,885.0 | 79,362,319.2 | 76,322,012.3 | 91,908,206.3 | 91,609,667.3 | 78,828,569.0 | 91,302,871.2 | 82,847,129.2 | 80,828,735.6 | 94,860,740.0 | 98,610,022.7 | 95,413,694.7 | 105,315,159.4 | 105,315,159.4 | Jabatan Perangkaan Malaysia |
| 3.2 PEMBINAAN | | | | | | | | | | | | | | | | |
| 3.2.1 Pengeluaran Lesen Pemaju, Permit Jualan dan Iklan Perumahan (Permit Baru) | Unit | 73 | 73 | 70 | 109 | 100 | 92 | 31 | 56 | 45 | 42 | 63 | 99 | 75 | Jabatan Perumahan Negara | |
| 3.2.2 Pengeluaran Lesen Pemaju, Permit Jualan dan Iklan Perumahan (Permit Diperbaharui) | Unit | 187 | 199 | 201 | 271 | 228 | 182 | 127 | 194 | 231 | 239 | 244 | 206 | 253 | Jabatan Perumahan Negara | |
| 3.2.3 Harga | | | | | | | | | | | | | | | | |
| - Keluli | RM per Tan Metrik | 2,384.34 | 2,388.02 | 2,391.57 | 2,427.91 | 2,463.45 | 2,463.45 | 2,464.24 | 2,464.24 | 2,464.24 | 2,479.22 | 2,503.03 | 2,558.64 | 2,635.11 | Kementerian Kerja Raya | |
| - Simen | RM per 50 Kg Beg | 17.86 | 17.83 | 17.86 | 17.97 | 18.00 | 18.00 | 17.90 | 17.90 | 17.90 | 17.96 | 17.99 | 18.41 | 18.46 | Kementerian Kerja Raya | |
| 3.3 PERLOMBONGAN DAN PENGKUARIAN | | | | | | | | | | | | | | | | |
| 3.3.1 Indeks Pengeluaran Perindustrian | Mata | 97.5 | 99.2 | 90.3 | 96.7 | 91.2 | 96.7 | 90.5 | 86.2 | 82.3 | 79.9 | 85.6 | 91.3 | 95.1 | Jabatan Perangkaan Malaysia | |
| 3.4 UTILITI | | | | | | | | | | | | | | | | |
| 3.4.1 Elektrik | | | | | | | | | | | | | | | | |
| - Penjanaan Tempatan | | | | | | | | | | | | | | | | |
| a. Pemasangan Awam # | Juta Kilowatt-Jam | 13,645.6 | 13,219.6 | 12,458.4 | 14,476.0 | 13,982.5 | 14,089.1 | 12,350.4 | 12,901.5 | 13,265.7 | 13,478.7 | 14,517.3 | 13,791.1 | 14,155.2 | Tenaga Nasional Berhad, Sabah Electricity Sdn. Bhd., Sarawak Energy Berhad, Pengeluar Tenaga Bebas | |
| b. Pemasangan Swasta # | Juta Kilowatt-Jam | 195.5 | 193.3 | 191.1 | 201.5 | 185.6 | 192.5 | 179.1 | 173.9 | 166.0 | 172.9 | 191.4 | 181.4 | 183.8 | Tenaga Nasional Berhad, Sabah Electricity Sdn. Bhd., Sarawak Energy Berhad, Pengeluar Tenaga Bebas | |

Nota
 p awalan
 1 data terkini sehingga September 2021
 # data Provisional berdasarkan Penerbitan Perdagangan Luar Negeri Disember 2021
 n.a. tidak tersedia
 - tidak berkenaan

| INDIKATOR Perubahan Peratusan Tahunan (%) | 2020 | 2021 | | | | | | | | | | | | SUMBER DATA |
|---|-------|-------|-------|-------|---------|-------|-------|-------|-------|-------|-------|-------|-------|--|
| | Dis | Jan | Feb | Mac | Apr | Mei | Jun | Jul | Ogos | Sep | Okt | Nov | Dis | |
| 1.0 KELUARAN DALAM NEGERI KASAR | | | | | | | | | | | | | | |
| 1.1 Harga Malar 2015 | -2.1 | -3.6 | -3.6 | 6.1 | 39.7 | 19.3 | -3.6 | -7.6 | -4.7 | -1.1 | 2.7 | 5.4 | 2.6 | Jabatan Perangkaan Malaysia |
| 2.0 KOMODITI | | | | | | | | | | | | | | |
| 2.1 GETAH | | | | | | | | | | | | | | |
| 2.1.1 Pengeluaran | | | | | | | | | | | | | | |
| - Getah | -14.7 | -31.0 | -0.1 | 4.5 | -33.5 | 33.8 | 15.7 | 16.3 | -3.6 | -10.8 | -13.6 | -28.3 | -16.3 | Jabatan Perangkaan Malaysia |
| 2.1.2 Harga | | | | | | | | | | | | | | |
| - SMR 20 | 5.6 | 6.5 | 22.4 | 36.8 | 41.3 | 45.9 | 38.1 | 36.3 | 33.2 | 19.8 | 14.8 | 14.1 | 13.4 | Lembaga Getah Malaysia |
| - Sekerap | 8.7 | 7.9 | 25.8 | 50.4 | 62.8 | 70.9 | 60.7 | 54.5 | 49.1 | 28.2 | 21.3 | 18.9 | 18.8 | Lembaga Getah Malaysia |
| - Getah Cair | 37.3 | 27.7 | 35.3 | 57.4 | 65.2 | 68.7 | 39.1 | 11.1 | 19.3 | 10.7 | -5.2 | -15.4 | -8.1 | Lembaga Getah Malaysia |
| - Lateks Pekat | 28.1 | 19.6 | 28.6 | 56.0 | 50.8 | 47.3 | 17.7 | 5.8 | 11.6 | 2.6 | -9.5 | -10.8 | -7.4 | Lembaga Getah Malaysia |
| 2.1.3 Eksport | | | | | | | | | | | | | | |
| - Getah Asli # | 21.8 | 5.0 | 5.4 | 30.2 | 37.2 | 42.4 | 25.9 | 7.2 | 38.7 | 27.9 | 14.1 | 7.8 | -25.3 | Jabatan Perangkaan Malaysia |
| 2.2 KELAPA SAWIT | | | | | | | | | | | | | | |
| 2.2.1 Eksport | | | | | | | | | | | | | | |
| - Produk Kelapa Sawit | 12.0 | -17.8 | -11.8 | -8.7 | 11.6 | -6.4 | -14.7 | -19.3 | -20.0 | -1.1 | -14.9 | 14.0 | -12.8 | Lembaga Minyak Sawit Malaysia |
| - Minyak Sawit | 17.5 | -21.9 | -17.3 | 0.4 | 9.2 | 7.4 | -16.9 | -21.4 | -26.0 | -0.04 | -15.2 | 12.4 | -13.3 | Lembaga Minyak Sawit Malaysia |
| - Minyak Isirong Sawit | 57.5 | -28.7 | -12.7 | 20.3 | 14.8 | -5.0 | -18.6 | 12.4 | -16.6 | -30.7 | -32.9 | 34.1 | -35.2 | Lembaga Minyak Sawit Malaysia |
| 2.3 PETROLEUM MENTAH | | | | | | | | | | | | | | |
| 2.3.1 Harga | | | | | | | | | | | | | | |
| - Minyak Mentah, Brent | -24.3 | -14.2 | 12.7 | 97.7 | 177.5 | 119.3 | 83.0 | 73.8 | 58.2 | 81.6 | 106.7 | 86.8 | 49.0 | World Bank |
| - Minyak Mentah, WTI | -21.3 | -9.4 | 16.9 | 108.7 | 273.5 | 128.2 | 86.4 | 77.8 | 59.9 | 80.7 | 105.7 | 92.7 | 52.0 | World Bank |
| 2.3.2 Eksport | | | | | | | | | | | | | | |
| - Petroleum Mentah # | -5.8 | 5.2 | -3.4 | -22.8 | 6.0 | 18.8 | -5.7 | -49.4 | -50.5 | -32.9 | -11.4 | -56.4 | -49.6 | Jabatan Perangkaan Malaysia |
| - Produk Petroleum # | 13.5 | -17.2 | 58.7 | -46.7 | 21.4 | -3.4 | 15.8 | 22.7 | 1.1 | 83.8 | 27.8 | 26.7 | -32.2 | Jabatan Perangkaan Malaysia |
| 2.3.3 Import | | | | | | | | | | | | | | |
| - Petroleum Mentah # | -55.1 | -67.2 | -53.0 | -88.0 | 48.2 | -27.1 | -39.1 | -30.0 | -55.3 | 23.1 | -74.5 | 1.9 | -61.0 | Jabatan Perangkaan Malaysia |
| - Produk Petroleum # | 17.3 | 0.5 | 33.0 | -18.1 | 37.0 | 33.6 | -1.5 | -1.7 | -24.5 | -39.9 | -2.2 | -0.2 | -33.0 | Jabatan Perangkaan Malaysia |
| 2.4 GAS ASLI CECAIR (LNG) | | | | | | | | | | | | | | |
| 2.4.1 Eksport | | | | | | | | | | | | | | |
| - Gas Asli Cecair # | 14.8 | -13.2 | 18.8 | -0.9 | 23.6 | 49.5 | -2.0 | 3.9 | 5.6 | -18.2 | -2.5 | 13.0 | -6.4 | Jabatan Perangkaan Malaysia |
| 3.0 SEKTOR | | | | | | | | | | | | | | |
| 3.1 PEMBUATAN | | | | | | | | | | | | | | |
| 3.1.1 Indeks Pengeluaran Perindustrian | 4.1 | 3.5 | 4.5 | 12.7 | 68.0 | 29.8 | -0.2 | -6.5 | 0.6 | 4.0 | 8.0 | 11.3 | 8.4 | Jabatan Perangkaan Malaysia |
| 3.1.2 Jualan | 4.5 | 4.1 | 6.4 | 15.3 | 72.5 | 37.2 | 6.5 | 0.6 | 6.8 | 11.6 | 15.3 | 18.8 | 15.5 | Jabatan Perangkaan Malaysia |
